



LAPORAN TAHUNAN

**2 0 2 0**





# KATA JUMLAHAN

## 01

### TEGUH MENEMPUH CABARAN

Pengerusi MIDA, Dato' Abdul Majid Ahmad Khan berkongsi inisiatif dan usaha berterusan MIDA dalam memacu agenda pelaburan negara meskipun berdepan dengan situasi yang tidak menentu disebabkan pandemik COVID-19. Pengerusi juga menekankan bahawa cabaran yang dihadapi telah menjadikan MIDA lebih proaktif dan inovatif dalam merencanakan strategi kelangsungan pelaburan negara.

**ms 04**

## 02

### MENITI KESUKARAN DENGAN KEKUATAN

Ketua Pegawai Eksekutif MIDA, Dato' Azman Mahmud memberikan ringkasan prestasi keseluruhan MIDA pada tahun 2020. Beliau juga berkongsi langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh MIDA serta komitmen berterusan dan inisiatif pendekatan mesra pelabur, agar Malaysia kekal berdaya saing dalam menghadapi situasi pandemik yang mencabar ini.

**ms 06**

## 03

### MENGENAI MIDA

- Lembaga Pengarah
- Pengurusan Tertinggi
- Carta Organisasi
- MIDA Memenuhi Mandat
- Pengurusan Sumber Manusia
- Nilai-nilai Teras MIDA

**ms 09**

**ms 11**

**ms 15**

**ms 16**

**ms 17**

**ms 18**

# 04

## PEMULIHAN EKONOMI

Pandemik COVID-19 jelas memberikan impak yang signifikan kepada ekonomi Malaysia. Inisiatif galakan cukai, kemudahan fasiliti penggalakan pelaburan serta digitalisasi merupakan antara tunjang yang boleh mengukuhkan semula landskap perniagaan dan memacu pertumbuhan negara. MIDA, selaku agensi promosi pelaburan utama Malaysia telah terlibat secara aktif dalam usaha pemulihran ekonomi negara ini.

ms 19

# 05

## PRESTASI PELABURAN 2020

### Sektor Perkilangan

Pelaburan berjumlah RM91.3 bilion telah dijana sepanjang tahun 2020 dalam sektor perkilangan, iaitu peningkatan ketara berbanding tahun sebelumnya.

ms 28

### Sektor Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan mengalami situasi yang mencabar rentetan daripada pandemik ini. Walau bagaimanapun, sektor ini masih mengekalkan prestasi sebagai sektor kedua terbesar yang menyumbang kepada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan pada tahun 2020.

ms 32

### Sektor Utama

Tahun 2020 merupakan tahun yang sukar bagi sektor industri utama, namun sektor ini kekal mencatatkan prestasi yang boleh dibanggakan.

ms 34

# 06

## AKTIVITI PENGGALAKAN PELABURAN

MIDA menjalankan pelbagai aktiviti penggalakan pelaburan dengan penyesuaian norma baharu di peringkat domestik dan juga antarabangsa.

ms 37

Merentasi Sempadan dalam Menarik Pelaburan

ms 39

Keterlibatan Bersama Penggerak Pelaburan Tempatan

ms 43

# 07

## PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan MIDA yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

ms 48

# 08

## HUBUNGI MIDA

Alamat ibu pejabat dan pejabat-pejabat MIDA Negeri dan Luar Negara.

ms 102

**DATO' ABDUL MAJID AHMAD KHAN**

Pengerusi, MIDA

Kerajaan Malaysia sentiasa gigih berusaha menyeimbangkan kesihatan awam dan pertumbuhan ekonomi dalam mengawal pandemik ini melalui pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pada masa yang sama Kerajaan juga memperkenalkan pelbagai inisiatif pemulihan ekonomi dalam usaha menangani kesan langsung daripada penularan wabak ini. Ini termasuk pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat sebanyak RM250 bilion dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dengan kos sebanyak RM35 bilion. Sejumlah RM10 bilion juga diperuntukkan di bawah KITA PRIHATIN untuk memberi sokongan kepada sektor perniagaan di Malaysia. Inisiatif-inisiatif ini bertujuan untuk memelihara sektor ekonomi termasuk dari aspek pelaburan dan sekali gus meminimumkan impak negatif rentetan pandemik yang berlaku.

Di samping itu, MIDA telah berperanan membantu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dalam memberikan kelulusan beroperasi sepanjang tempoh PKP bagi perkhidmatan dan sektor penting. Usaha MIDA telah membantu melancarkan kegiatan ekonomi semasa tempoh tersebut.

## TEGUH MENEMPUH CABARAN

Setiap tahun pastinya memberikan cabaran yang tersendiri namun tahun 2020 menyaksikan cabaran yang berbeza dari tahun-tahun sebelumnya. Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia telah menjelaskan ekonomi global sekali gus memberi kesan langsung kepada aktiviti pelaburan. Implikasi ini termasuklah dari aspek produktiviti, rantai bekalan dan pelan pertumbuhan perniagaan di seluruh dunia termasuk Malaysia. Namun cabaran ini telah menjadikan MIDA lebih teguh dalam membuka pelbagai ruang inisiatif dan kaedah baharu dalam memperkasakan agenda pelaburan negara.

## Prospek Positif Berterusan

Di sebalik persekitaran perniagaan global yang mencabar, unjuran ekonomi negara kekal dalam sudut yang positif. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Bank Dunia dan *Fitch Ratings* menjangkakan bahawa ekonomi Malaysia akan pulih ke pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) antara 6.7 peratus dan 7.8 peratus pada tahun 2021 kesan daripada peningkatan permintaan global untuk produk terpilih. Ini diunjurkan untuk memberi impak positif kepada industri berorientasi eksport negara, seperti industri elektrik dan elektronik dan produk getah.

Malaysia juga telah diletakkan sebagai antara ekonomi yang paling pesat berkembang dalam kalangan negara ASEAN-5 oleh IMF berdasarkan ramalan pertumbuhan KDNK, yang mana Malaysia disifatkan mempunyai kecenderungan untuk berkembang pada purata 6.5 peratus antara empat negara lain iaitu Indonesia, Thailand, Filipina dan Vietnam.

Laporan *World Bank Doing Business 2020* meletakkan Malaysia di kedudukan ke-12

**MIDA akan terus berusaha melaksanakan inisiatif yang telah dirancang serta mempercepatkan proses penerapan kerangka Industri 4.0.**

di antara 190 ekonomi di seluruh dunia, peningkatan yang ketara daripada kedudukan ke-15 pada tahun sebelumnya. Malaysia juga muncul di kedudukan kelima dalam kajian *Bloomberg* yang dikeluarkan pada bulan Disember 2020 yang mengukur prospek 17 pasaran membangun untuk tahun 2021 berdasarkan 11 petunjuk prestasi ekonomi dan kewangan. Justeru ini menunjukkan Malaysia masih mempunyai reputasi yang sangat baik dalam landskap ekonomi global dan kekal menjadi destinasi pilihan bagi para pelabur.

Perkembangan ini membuktikan bahawa Malaysia berada di landasan yang tepat untuk mencapai matlamatnya bagi meningkatkan daya saing, produktiviti dan tadbir urus sekali gus mempromosikan persekitaran pelaburan yang terbaik. Oleh itu, inisiatif reformasi, rancangan dan dasar yang berkesan akan terus dipergiatkan bagi merancakkan pembangunan ekonomi negara.

## Memperkasa Transformasi Digital

Kerajaan juga menekankan kepentingan Industri 4.0 bagi mendorong syarikat menerapkan masa depan digital, sejajar dengan aspirasi Malaysia untuk menjadi negara maju seiring dengan matlamat *Industry4WRD*. Pelaksanaan proses penerapan Industri 4.0 mengikut fasa bersepada yang dapat diskalakan akan mendorong perniagaan untuk terus berkembang dengan mengadaptasi suatu penanda aras baharu bagi pengendalian operasi perniagaan selaras dengan perkembangan teknologi yang pesat dan pantas.

Pandemik ini dijangka akan berterusan untuk suatu tempoh masa yang tidak dapat dijangka dan dilihat tidak akan berakhir sepenuhnya dalam waktu terdekat. Justeru, ini mendorong landskap perniagaan di mana automasi dan digitalisasi bukan lagi sekadar pilihan, sebaliknya adalah suatu keperluan bagi memastikan kelangsungan perniagaan.

MIDA akan terus berusaha melaksanakan inisiatif yang telah dirancang serta mempercepatkan proses penerapan kerangka Industri 4.0. Usaha ini pastinya akan meletakkan Malaysia sebagai antara peneraju dalam ekonomi digital serantau dengan pertumbuhan sosio-ekonomi yang inklusif, bertanggungjawab dan mampan. MIDA juga komited dan sentiasa bersiap sedia untuk memastikan persekitaran perniagaan di Malaysia sentiasa kondusif dan responsif terhadap keperluan sektor perniagaan semasa agar tidak ketinggalan dan kekal relevan dalam arus digitalisasi global.

## Memacu ke Hadapan dengan Keyakinan

Secara keseluruhannya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Lembaga Pengarah, pihak Pengurusan dan semua kakitangan MIDA atas komitmen dan semangat yang berterusan untuk menjalankan amanah mereka. Di sebalik cabaran hebat yang melanda dan tidak dijangka pada tahun 2020 ini, saya yakin bahawa warga MIDA akan memanfaatkan situasi yang berlaku dengan menjadikan ia sebagai faktor pemangkin untuk lebih berinovasi dan terus melaksanakan tugas dengan baik. Ini dapat memastikan Malaysia kekal sebagai lokasi yang mesra pelabur bagi menjamin pertumbuhan pelaburan jangka masa panjang.

MIDA akan terus memperkasakan usaha dengan melaksanakan inisiatif yang berterusan sesuai dengan keperluan semasa selain sentiasa menjalankan hubungan erat dengan pihak berkepentingan industri bagi memastikan aliran aktiviti pelaburan berkualiti yang berterusan. Perkembangan dan pendekatan perniagaan di peringkat global yang dikenalpasti akan diterapkan ke dalam landskap pelaburan negara bagi terus menarik minat pelabur sekali gus mencapai matlamat untuk menghasilkan persekitaran perniagaan yang kondusif demi kemakmuran ekonomi Malaysia.

**DATO' AZMAN MAHMUD***Ketua Pegawai Eksekutif, MIDA*

Pada tahun 2020, Malaysia telah berjaya mencatatkan pelaburan yang diluluskan sebanyak RM164 bilion melalui 4,599 projek dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama. Pelaburan ini dijangka dapat mewujudkan 114,673 peluang pekerjaan baharu di pelbagai sektor ekonomi sebaik sahaja ia dilaksanakan.

Pelaburan Langsung Asing (FDI) dalam sektor perkilangan menyumbang 62 peratus (RM56.6 bilion) daripada jumlah pelaburan yang diluluskan untuk sektor ini, manakala Pelaburan Langsung Domestik (DDI) menyumbang kepada baki 38 peratus (RM34.7 bilion) pada tahun 2020. Melihatkan kepada situasi semasa yang cukup mencabar, pencapaian lonjakan DDI sebanyak 22.6 peratus dan peningkatan FDI sebanyak 3.9 peratus berbanding tahun 2019 ini adalah suatu pencapaian yang cukup membanggakan.

**Norma Baharu,  
Semangat Baharu**

Tidak dapat dinafikan bahawa pandemik ini telah menjadi titik tolak kepada MIDA untuk terus maju ke hadapan. Norma baharu seperti

## MENITI KESUKARAN DENGAN KEKUATAN

Tahun 2020 adalah tahun yang menguji kemampuan Kerajaan, organisasi, perniagaan dan individu di seluruh dunia dan Malaysia juga tidak terkecuali. Pandemik COVID-19 yang melanda telah menuntut kecekalan semua pihak dalam menjalani norma baharu yang bukan sahaja mempengaruhi kehidupan seharian, malahan mengubah landskap perniagaan. Disebabkan itu, perancangan dan pelaksanaan yang teliti adalah sangat penting dalam memastikan MIDA, selaku barisan hadapan ekonomi negara, mampu untuk terus memainkan peranannya dengan berkesan.

kawalan pergerakan dan sekatan perjalanan mendorong kreativiti dan inovasi MIDA dalam pendekatannya untuk melaksanakan inisiatif yang telah dirancang bagi mencapai misi dan visinya dalam mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan utama.

Sejak Mac 2020, Kerajaan telah melancarkan rangkaian langkah-langkah rangsangan melalui Strategi 6R, iaitu *Resolve* (Ketegasan), *Resilience* (Ketahanan), *Restart* (Memulakan Semula), *Recovery* (Pemulihan), *Revitalize* (Memperkasa) dan *Reform* (Menyusun Semula). Melalui kombinasi langkah-langkah fiskal dan bukan fiskal, Kerajaan melalui pendekatan ini menyasarkan untuk melindungi rakyat, menyokong perniagaan dan memperkuuhkan ekonomi, sekali gus mencapai kesimbangan yang menyeluruh dari semua aspek.

MIDA telah memainkan peranan yang penting bagi memastikan kelangsungan projek pelaburan meskipun dalam tempoh yang mencabar. Semasa peringkat awal tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), MIDA telah terlibat dalam proses pembukaan perniagaan penting serta memberikan input yang relevan dalam penyusunan dasar dan strategi berkaitan kaedah terbaik bagi memastikan perindustrian



**MIDA komited untuk terus menyokong dasar mesra perniagaan yang mampu mencipta persekitaran perniagaan yang lestari dan stabil bagi semua pelabur.**



negara terus mampan tanpa mengabaikan keselamatan masyarakat.

## Pendekatan Mesra Pelabur

MIDA juga telah mempergiatkan usaha untuk menjangkau lebih banyak komuniti perniagaan asing dan tempatan dengan melaksanakan lebih daripada 500 sesi penglibatan dalam talian untuk menyampaikan maklumat atau dasar terkini kepada perniagaan yang terkesan akibat pandemik yang berlaku. Sesi jalinan rangkaian ini dilaksanakan melalui pelbagai platform dalam talian dan kemudahan digital untuk melancarkan aliran kerja para pelabur.

Selain itu, Pusat Sehenti (OSC) untuk pelawat perniagaan telah ditubuhkan pada 2 Oktober 2020 hasil kerjasama MIDA, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Jabatan Imigresen Malaysia, Kementerian Kesihatan (KKM) serta Kementerian dan agensi lain. Pusat ini bertujuan memudahkan pergerakan pelawat perniagaan semasa pandemik dengan mempercepatkan kelulusan masuk mereka ke Malaysia untuk memastikan kelangsungan projek pelaburan asing berprofil tinggi mengikut jangka masa yang diperlukan. Dalam masa yang sama, *Business Travellers Centre* (BTC) di KLIA turut memainkan peranan dalam melancarkan pergerakan pelabur ini dengan membenarkan pergerakan pelawat perniagaan yang menjalankan perniagaan di Malaysia semasa tempoh pandemik.

Sebagai sebuah organisasi, MIDA telah menerapkan penekanan terhadap peningkatan kecekapan dan produktiviti secara digital, terutamanya dalam sistem penyampaian dan pelaksanaan perkhidmatan kepada para pelabur melalui inisiatif *Enterprise Transformation System* (e-TRANS). Di samping itu, portal permohonan bagi *e-Manufacturing Licence 2.0* (e-ML 2.0), *e-incentive 2.0* dan pengecualian duti import/cukai jualan secara talian (*JPC Online Application Module*) juga telah dibangunkan untuk menawarkan proses aplikasi automasi hujung-ke-hujung bagi memendekkan jangka masa pemprosesan permohonan syarikat, meningkatkan komitmen

piagam pelanggan kepada pelabur selaras dengan matlamat transformasi digital Kerajaan.

## Komitmen Berterusan demi Malaysia

MIDA komited untuk terus menyokong dasar mesra perniagaan yang mampu mewujudkan persekitaran perniagaan yang lestari dan stabil bagi semua pelabur. Rancangan Malaysia Kedua Belas (2021-2025) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu menggariskan strategi jangka panjang bagi menjana ekonomi yang lebih mampan dan bernilai tambah lebih tinggi sebagai sebahagian daripada tahap terakhir pendekatan 6R "Reform". Dalam konteks ini, MIDA terus memainkan peranan yang kritikal sebagai penghubung antara komuniti perniagaan dan pembuat dasar negara bagi memastikan pelaksanaan strategi dan rancangan yang teliti dan berkesan.


Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa ketidakpastian dan situasi yang sukar dijangka untuk tahun-tahun mendatang disebabkan pandemik menjadi keimbangan kepada komuniti perniagaan pada ketika ini dalam kita melangkah ke tahun 2021. Namun demikian, MIDA akan lebih bersedia dalam menjadi pemudah cara kepada agenda pelaburan negara dalam suasana norma baharu.

Oleh yang demikian, program vaksinasi melalui Pelan Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang sedang giat dijalankan dilihat mampu memberi sinar baharu kepada seluruh rakyat Malaysia untuk memungkinkan kita kembali menjalani kehidupan harian dan membolehkan aktiviti ekonomi berjalan seperti sedia kala. Melalui program vaksinasi ini berserta dengan komitmen daripada semua pihak khususnya pihak berkepentingan dalam sektor ekonomi, MIDA optimis bahawa kemakmuran ekonomi Malaysia akan terus terpelihara dalam mencapai pertumbuhan yang positif. Kerjasama dan ikhtiar berterusan semua pihak adalah kunci untuk kita sama-sama menempuh detik sukar ini dengan penuh semangat dan harapan yang pastinya akan berakhir dengan kejayaan bersama.

# 03



## Mengenai MIDA



## Lembaga Pengarah

# KEPIMPINAN TUNJANG KECEMERLANGAN

Kepimpinan merupakan asas kepada kecemerlangan sesebuah organisasi. MIDA memiliki barisan Ahli Lembaga Pengarah berkualifer yang cekap dan sentiasa memastikan MIDA berada di landasan yang tepat.



**DATO' ABDUL MAJID  
AHMAD KHAN**

Pengerusi  
Lembaga Pembangunan  
Pelaburan Malaysia (MIDA)

**DATO' AZMAN MAHMUD**  
Ketua Pegawai Eksekutif

Lembaga Pembangunan  
Pelaburan Malaysia (MIDA)



**DATUK LOKMAN  
HAKIM ALI**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Perdagangan  
Antarabangsa dan Industri  
(MITI)

**ENCIK MA SIVANESAN S/O  
MARIMUTHU @ MUTHIAH**

Setiausaha Bahagian  
Cukai  
Kementerian Kewangan  
(MOF)

**ENCIK  
MARZUNISHAM OMAR**

Timbalan Gabenor  
Bank Negara Malaysia (BNM)

**ASSOCIATE PROF. DR.  
MUHAMMAD ABDULLAH  
HAJI ZAIDEL**

Pengarah  
Unit Perancangan Ekonomi  
Negeri Sarawak




**DATUK YONG  
TECK SHING**  
Pengarah Eksekutif  
Malaysia China Business  
Council (MCBC)



**TAN SRI  
DATO' SOH THIAN LAI**  
Presiden  
Persekutuan Pekilang-  
Pekilang Malaysia (FMM)



**DATO' MAHMUD ABBAS**  
Pengerusi  
Halal Development  
Corporation (HDC)



**DATO' DR. GURDIAL  
SINGH NIJAR**  
Tetuan GS Nijar  
Peguambela dan  
Peguamcara



**DATUK  
ICHIRO SUZUKI**  
Pengarah Urusan  
Hiro Food Packages  
Manufacturing Sdn. Bhd.



**DR. JASMINE BEGUM**  
Pengarah  
Perundungan, Korporat  
dan Hubungan Kerajaan  
Microsoft ASEAN &  
New Markets  
Microsoft Malaysia



**ENCIK MOHD SOFIYUDDIN  
AHMAD TABRANI**  
Partner  
Zaid Ibrahim & Co.



**PUAN RAHIMAH MAJID**  
Peguambela dan  
Peguamcara  
RM Jarin & Co

## Pengurusan Tertinggi

# KOMITMEN BERTERUSAN TERAS KEJAYAAN

Komitmen pasukan yang hebat dibentuk oleh gabungan kepakaran individu yang mantap. Barisan pengurusan tertinggi MIDA sentiasa komited memastikan setiap cabang organisasi berfungsi dengan sempurna dalam mencapai matlamat organisasi dengan semangat kebersamaan.



**DATO' AZMAN MAHMUD**  
Ketua Pegawai Eksekutif



**ARHAM ABDUL RAHMAN**  
Timbalan Ketua  
Pegawai Eksekutif I



**AHMAD KHAIRUDDIN  
ABDUL RAHIM**  
Timbalan Ketua  
Pegawai Eksekutif II



**ROESLINA ABBAS**  
Pengarah Eksekutif Kanan  
Perancangan Strategik dan  
Pembangunan (Perkilangan  
dan Perkhidmatan)  
(Dari 17 Ogos 2020)

**Pengarah Eksekutif**  
Pembangunan Perkhidmatan  
(Sehingga 16 Ogos 2020)



**MOHAMED ZUHARI  
MOHAMED NOR**  
Pengarah Eksekutif  
Perkhidmatan Pengurusan  
Korporat



**MOHD ZULKAFLI ISMAIL**  
Pengarah Eksekutif  
Pasca Pelaburan  
(Sehingga 17 Disember 2020)



**LIM BEE VIAN**  
Pengarah Eksekutif  
Pembangunan Perkhidmatan  
(Dari 17 Ogos 2020)



**SIVASURIYAMOORTHY A/L  
SUNDARA RAJA**  
Pengarah Eksekutif  
Penggalakan Pelaburan



**JASBIR KAUR A/P  
BACHAN SINGH**  
**Pengarah Eksekutif**  
Pembangunan Perkilangan  
(Bukan Sumber)



**CHOO WAI MENG**  
**Pengarah Eksekutif**  
Perancangan Strategik  
(Perkilangan)



**MOHAMAD ISMAIL  
ABU BAKAR**  
**Pengarah Eksekutif**  
Pembangunan Perkilangan  
(Sumber)



**ZALINA ZAINOL**  
**Pengarah Eksekutif**  
Perancangan Strategik  
(Perkhidmatan)  
(Dari 17 Ogos 2020)  
**Pengarah**  
Komunikasi Korporat  
(Sehingga 16 Ogos 2020)



**BALKISH MOHD YASIN**  
**Pengarah**  
Sains Hayat dan  
Teknologi Perubatan



**WAN HASHIMAH  
WAN SALLEH**  
**Pengarah**  
Teknologi Hijau



**ZUAIDA ABDULLAH**  
**Pengarah**  
Perancangan Strategik  
dan Advokasi Dasar  
(Perkhidmatan)



**NORMI ALIAS**  
**Pengarah**  
Pengurusan Sumber Manusia



**NOR'AINI MAT TALHA**  
**Pengarah**  
Sekretariat Pelaburan  
Nasional  
(Sehingga 6 September 2020)



**NAJIHAH ABAS**  
**Pengarah**  
Teknologi Bangunan  
dan Gaya Hidup



**NOOR AIEDA AHMAD**  
**Pengarah**  
Sokongan Pasca-Pelaburan  
dan Infrastruktur



**AHMAD ZAKUHAN GHAZALI**  
**Pengarah**  
Pembangunan Sistem  
Teknologi Maklumat



**JEYASIGAN A/L  
NARAYANAN NAIR**

Pengarah  
Jentera dan Logam



**SIKH SHAMSUL IBRAHIM  
SIKH ABDUL MAJID**

Pengarah  
Penggalakan Pelaburan Asing  
(Dari 13 Januari 2020)  
**Pengarah**  
Pelaburan Tempatan dan  
Penyelaras Rantai Bekalan  
(Sehingga 12 Januari 2020)



**ZAHIRUL ISHAK**

Pengarah  
Teknologi  
Pengangkutan



**WAHIDA ABDUL RAHMAN**

Pengarah  
Penjagaan Kesihatan,  
Pendidikan dan Hospitaliti  
(Dari 17 Ogos 2020)  
**Pengarah**  
Perkhidmatan Bisnes  
dan Operasi Serantau  
(Sehingga 16 Ogos 2020)



**AZLINA HAMDAN**

Pengarah  
Elektrikal dan Elektronik



**MASNI MUHAMMAD**

Pengarah  
Perancangan Strategik  
dan Advokasi Dasar  
(Perkilangan)



**AIZAH ABDULLAH**

Pengarah  
Pengurusan Talent  
Industri dan Ekspatriat



**MANJIT KAUR A/P  
BALKAR SINGH**

Pengarah  
Komunikasi Korporat  
(Dari 17 Ogos 2020)  
**Pengarah**  
Penjagaan Kesihatan,  
Pendidikan dan Hospitaliti  
(Sehingga 16 Ogos 2020)



**MOHD ZAHARIN JAMARIS**

Pengarah  
Pengurusan  
Kewangan dan Akaun



**NAZUKI ABDULLAH**

Pengarah  
Pelaburan Tempatan  
dan Penyelaras Rantai Bekalan  
(Dari 13 Januari 2020)



**HABIBAH ENOK**

Pengarah  
Pengurusan Korporat



**SURAYU SUSAH**

Pengarah  
Kimia dan Bahan Termaju



**KHAMILAH  
MOHD YUSOF**

Pengarah  
Teknologi Makanan dan  
Industri Berasaskan Sumber



**NORHIZAM IBRAHIM**

Pengarah  
Teknologi Termaju dan  
Penyelidikan Pembangunan



**ROSEDALINA RAMLAN**

Pengarah  
Perkhidmatan Bisnes  
and Operasi Serantau  
(Dari 17 Ogos 2020)



**ROSLINA OTHMAN**

Pengarah  
Statistik Pelaburan



**DAIANA MOHD ZAIN**

Pengarah  
Sekretariat Pelaburan  
Nasional  
(Dari 7 September 2020)



**HAZLI JEMAAT @ HASAN**

Pengarah  
Minyak dan Gas, Maritim dan  
Perkhidmatan Logistik



**ZAKIAH SAJIDAN**

Ketua Seksyen  
Seksyen Pematuhan &  
Pemantauan Pelesenan  
dan Galakan



**ZIL MUKHRIZ SULONG**

Ketua Seksyen  
Seksyen Perundungan  
dan Hubungan Kerajaan



**MEGAT FAIZAL  
MOHAMAD ZABRI**

Ketua Unit  
Unit Audit Dalam  
dan Tadbir Urus

# CARTA ORGANISASI



## MIDA MEMENUHI MANDAT

MIDA ditubuhkan sebagai sebuah badan berkanun di bawah Akta Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) pada tahun 1967 yang kemudiannya dipinda menjadi Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan)(Pindaan) 2011.

Penubuhan MIDA pada tahun 1967 disifatkan oleh Bank Dunia sebagai pencetus penting bagi pelaksanaan promosi yang bermatlamat, positif dan teratur. Kini pada tahun 2020, MIDA kekal utuh dalam menjalankan fungsinya serta memenuhi misi dan visi penubuhannya.



**MISI**  
Mencipta ekosistem pelaburan yang dinamik dan lestari



**VISI**

Menjadikan Malaysia sebagai peneraju destinasi pelaburan pilihan

- Meneraju, menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan dasar, strategi, aktiviti dan pembangunan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti).
- Menjalankan aktiviti berkaitan penggalakan pelaburan bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti) di dalam atau di luar Malaysia.
- Menjalankan kajian dan perancangan berhubung hal-hal berkaitan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti).
- Menasihati Kerajaan mengenai dasar berkaitan penggalakan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti) yang meliputi:
  - Pengeluaran Lesen Pengilang
  - Insentif kepada pelabur yang berkelayakan di Malaysia
  - Jawatan ekspatriat
  - Pengenaan atau pemindaan serta pengecualian daripada duti kastam
  - Kemudahan-kemudahan fiskal atau bukan fiskal yang lain
- Merangka langkah-langkah bagi menggalakkan pelaburan sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti).
- Menyelaras dan memudahkan aktiviti berkaitan penggalakan dan pelaksanaan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti) di peringkat persekutuan dan negeri.
- Menawarkan perkhidmatan rundingan meliputi latihan dan bantuan teknikal.
- Menjalankan aktiviti yang menggalakkan kerjasama dengan negara-negara lain, sejajar dengan objektif Kerajaan untuk meningkatkan pelaburan sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti).
- Membantu syarikat-syarikat Malaysia meneroka peluang pelaburan dan memperoleh teknologi dari luar negara.
- Bertindak sebagai pusat pengumpulan, rujukan dan penyebaran maklumat berkaitan pelaburan merentasi semua sektor ekonomi.
- Menyediakan laporan berkala kepada Menteri mengenai kemajuan dan isu-isu berkaitan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti) serta mengemukakan cadangan bagi mengatasi isu-isu tersebut.
- Menjalankan fungsi-fungsi lain yang selari dengan Akta MIDA berdasarkan arahan Menteri secara bertulis.
- Secara umumnya, menjalankan semua perkara-perkara berkaitan dan berbangkit dalam melaksanakan kuasa dan fungsi di bawah akta ini.

# PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Norma baharu merupakan terma yang cukup sinonim bagi tahun 2020 dengan pengamalan Bekerja dari Rumah dan pelaksanaan *remote working* yang kini menjadi kebiasaan bagi semua sektor ekonomi. Suasana yang sangat berlainan ini tidak menghalang komitmen MIDA untuk terus merencanakan pelbagai inisiatif dalam usaha meningkatkan produktiviti dan prestasi bakat kakitangannya seiring dengan proses penyesuaian pengamalan norma baharu di samping perkembangan teknologi Industri 4.0 (i4.0).

## Merangsang Produktiviti Berterusan

Tiga strategi pembangunan utama MIDA iaitu Kompetensi, Fungsi dan Kepimpinan menjadi prinsip asas dalam program-program latihan yang dilaksanakan. Setiap aspek ini mempunyai initipati yang tersendiri dalam mencapai objektifnya. Sebagai contoh, aspek Fungsi memerlukan pegawai-pegawai MIDA dilatih dengan kemahiran seperti i4.0, *Google Apps*, *Microsoft Excel* dan *Microsoft Powerpoint* selain penekanan terhadap Ekonomi dan Pemikiran Strategik.

Manakala dari sudut kepimpinan, pegawai-pegawai MIDA yang terpilih akan diberi peluang menyertai kursus bertaraf antarabangsa anjuran organisasi terkenal dunia seperti Harvard dan INSEAD secara dalam talian. Antara kursus yang

telah disertai oleh pegawai-pegawai MIDA sepanjang tahun 2020 adalah *Harvard Leading Economic Growth*, *INSEAD Leading Organisation in Disruptive Times*, *Harvard Leadership Principles* dan *INSEAD Developing Emerging Leaders*.

Hasil penyertaan dalam kursus kepimpinan ini, pengetahuan pegawai-pegawai MIDA tentang strategi kepimpinan telah dipertingkatkan. Program ini juga turut melatih kemahiran mereka membangunkan strategi, membuat keputusan dan memimpin dalam suasana VUCA (*Volatility, Uncertainty, Complexity, Ambiguity*) dan sekali gus membolehkan mereka mengaplikasikannya semasa melaksanakan tugas dan peranan masing-masing. Ini secara tidak langsung meningkatkan produktiviti warga MIDA secara keseluruhan.

## Program Latihan dengan Penyertaan MIDA Tahun 2020

### Kepimpinan



*Harvard Leading Economic Growth*



*INSEAD Leading Organisations in Disruptive Times*



*INSEAD Developing Emerging Leaders*



*Harvard Leadership Principles*



*MIM First Time Manager*



*Coaching for Performance*



*Team Leadership & Management Skills*



*Leadership Skills Mastery*

## Kemahiran Fungsi

-  IR 4.0
-  Ekonomi
-  Google Apps
-  Movie Like Power Point
-  Excel Intermediate
-  Certified Knowledge Manager
-  Pemikiran Strategik

## Kemahiran Kompetensi

-  Toastmasters
-  Komunikasi Bahasa Inggeris
-  Khidmat Pelanggan
-  Mengurus Aduan Pelanggan
-  Bengkel BEI Assessors
-  6 'I' Innovation
-  Bengkel Anti Rasuah
-  Pengurusan Stres
-  Kesihatan Mental

## NILAI-NILAI TERAS MIDA (MICCCA)

**M**

### MERITOKRASI

Memberi ganjaran berasaskan prestasi dan meraikan pencapaian

**I**

### INTEGRITI

Berlaku jujur, telus dan bertanggungjawab

**C**

### UTAMAKAN PELANGGAN

Memberi keutamaan kepada pelanggan setiap masa

**C**

### INGIN TAHU

Mencari idea dan pengetahuan baru

**C**

### ERAT

Nilai keterbukaan dan sokongan erat di kalangan warga organisasi

**A**

### NILAI TAMBAH

Melangkaui jangkaan dan meningkatkan sasaran

# 04



## Pemulihān Ekonomi

Sektor ekonomi berdepan dengan situasi yang cukup mencabar pada tahun 2020. Pandemik COVID-19 yang melanda telah menyebabkan ekonomi seluruh dunia terjejas, pasaran saham jatuh merudum dan kadar pengangguran meningkat secara mendadak. Kerajaan di seluruh dunia terpaksa bertindak pantas dalam menggubal dasar dan melaksanakan pelbagai inisiatif strategik di negara masing-masing bagi menangani situasi yang berlaku.

Di Malaysia, pandemik yang berlaku telah memberi impak negatif terhadap ekonomi negara, khususnya kepada rantaian bekalan berikutan pelaksanaan pelbagai fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mengehadkan pergerakan pekerja dan operasi perniagaan. Keadaan ini telah mengubah cara kerja dan kaedah interaksi perniagaan bersama pihak pelanggan, terutamanya dalam sektor perkhidmatan.

Kerajaan Malaysia menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha menangani impak pandemik ini bagi memelihara dan mengukuhkan ekonomi negara serta memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi pilihan pelabur. MIDA selaku agensi promosi pelaburan utama Malaysia telah mengemukakan pelbagai cadangan dasar strategik bagi menyokong proses pemulihan ekonomi negara, sekali gus turut memainkan peranan penting dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif tersebut.

## KETERLIBATAN MIDA DALAM PENGURUSAN IMPAK COVID-19

MIDA telah bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bagi menyalarsa pembukaan semula sektor ekonomi secara berperingkat seiring dengan fasa-fasa PKP yang dilaksanakan sejak bulan Mac 2020. MIDA bertanggungjawab mengenalpasti sektor-sektor penting yang menyokong kelangsungan rantaian bekalan produk dan perkhidmatan kritikal bagi membolehkan syarikat dalam sektor-sektor ini beroperasi semasa fasa awal PKP. Selain itu, MIDA turut menyokong usaha memantau pematuhan syarikat-syarikat industri terhadap prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

MIDA juga telah menjalankan sebuah kajian soal selidik secara dalam talian semasa tempoh PKP yang melibatkan 1,098 syarikat responden termasuk syarikat multinasional (MNC) dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) daripada pelbagai industri perkilangan. Kajian ini bertujuan mengenalpasti isu-isu berkaitan kapasiti operasi dan kadar penggunaan gunatenaga syarikat semasa PKP serta anggaran tempoh masa yang diperlukan oleh syarikat-syarikat ini untuk beroperasi semula pada kapasiti penuh.

Isu-isu yang dikenalpasti hasil soal selidik ini antaranya adalah:

-  Kelewatan memperoleh kelulusan baharu atau pembaharuan pas pengajian pegawai dagang dan pekerja asing
-  Kesukaran perjalanan bagi perniagaan disebabkan penutupan sempadan
-  Penyusutan simpanan tunai terutama dalam kalangan syarikat PKS
-  Peningkatan kos rantaian bekalan disebabkan oleh kawalan pergerakan
-  Ketersediaan pusat saringan yang terhad melambatkan proses saringan kesihatan pekerja yang perlu dijalankan di bawah SOP yang digariskan oleh Kerajaan

Hasil kajian ini menjadi rujukan kepada pihak Kerajaan untuk menambahbaik strategi-strategi fasilitasi pelaburan dan SOP yang dilaksanakan sekali gus merangka penyelesaian yang bersesuaian, termasuk mempercepatkan kelulusan Lesen Pengilang (ML) bagi projek-projek perkilangan di bawah sektor bukan sensitif dalam negara.

Selain itu, MIDA juga menyelaras aktiviti promosi pelaburan antara agensi-agensi promosi pelaburan lain untuk melancarkan rundingan dan pelaksanaan projek berkaitan. Selaras dengan pengurangan kadar penularan pandemik, pihak Kerajaan juga telah membenarkan sektor-sektor ekonomi beroperasi pada kapasiti lebih tinggi melalui pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula pada Mei 2020.

## MEMBANTU PROSES PEMULIHAN EKONOMI

Berikut cabaran yang dihadapi pada tahun 2020, pihak Kerajaan telah mengumumkan empat pakej rangsangan ekonomi iaitu PRIHATIN, PRIHATIN PKS TAMBAHAN, PENJANA dan KITA PRIHATIN, di samping memperkenalkan inisiatif-inisiatif khusus di bawah Belanjawan 2021 bagi menangani situasi ekonomi semasa.

MIDA juga terlibat secara langsung dalam merangka pelan pemulihan ekonomi negara melalui mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri serta bengkel-bengkel pemulihan ekonomi yang dianjurkan oleh Kementerian Kewangan bersama MITI. Pelbagai Kementerian dan agensi penting juga turut menyertai sesi

ini seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pengangkutan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, serta ahli-ahli akademik daripada institusi pendidikan dan badan pemikir atau *Think Tank*.

Menerusi siri mesyuarat dan bengkel ini, MIDA telah mencadangkan pelbagai dasar galakan cukai, geran dan inisiatif kemudahan perniagaan bagi memastikan operasi perniagaan dapat diteruskan, meminimakan kadar pengangguran dan menggalakkan kemasukan pelaburan berkualiti ke Malaysia. Hasil daripada cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh MIDA, beberapa galakan cukai baharu, penambahbaikan serta kemudahan perniagaan telah dipersetujui dan diumumkan oleh Kerajaan.

## INISIATIF CETUSAN MIDA DALAM PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA)

### i. Galakan Cukai Istimewa

Rantau Asia merupakan lokasi operasi pengeluaran pilihan utama bagi kebanyakan syarikat MNC. Namun demikian, pandemik ini telah menyebabkan banyak operasi perniagaan terhenti dan rantai bekalan terganggu, terutamanya bagi ekonomi-ekonomi yang bergantung kepada rantai bekalan di rantau tersebut.

Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan galakan strategik di bawah PENJANA bagi menggalakkan syarikat-syarikat MNC menempatkan semula operasi pengeluaran atau menuju operasi pengeluaran baharu di Malaysia sebagai lokasi pengeluaran alternatif para pelabur.

Di bawah galakan ini, syarikat-syarikat yang melakukan pelaburan baharu dalam sektor perkilangan di Malaysia boleh menikmati kadar cukai pendapatan seperti berikut:

 RM300 – RM500 juta

 0% selama 10 tahun

 >RM500 juta

 0% selama 15 tahun

  
Nilai Pelaburan  
Kadar Cukai Pendapatan

Syarikat-syarikat sedia ada di Malaysia juga boleh memanfaatkan galakan ini dengan menikmati Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100 peratus selama lima tahun sekiranya menempatkan semula operasi pengeluaran di luar negara ke Malaysia dengan nilai pelaburan melebihi RM300 juta. Elaun ini ditolak daripada 100 peratus pendapatan berkanun pada setiap tahun taksiran.



Tawaran galakan cukai ini digunakan sebagai strategi Kerajaan Malaysia untuk mensasarkan penarikan pelaburan yang berkualiti dalam sektor-sektor teknologi dan bernilai tambah tinggi seperti sektor Elektrikal & Elektronik, Peranti Perubatan dan Kimia. Galakan ini juga dapat meningkatkan kualiti pelaburan yang akan menyumbang kepada agenda pelaburan seperti berikut:

- Program Pembangunan Vendor
- Peluang pekerjaan
- Penggunaan perkhidmatan tempatan
- Latihan industri kepada graduan di dalam negara
- Kerjasama dengan universiti tempatan dalam bidang teknologi termaju

Menerusi Belanjawan 2021, skop galakan ini telah diperluaskan kepada syarikat dalam sektor perkhidmatan terpilih termasuk syarikat yang mengadaptasi teknologi Industri 4.0 dan digitalisasi.

## ii. Elaun Pelaburan Semula Tambahan (*Additional Reinvestment Allowance*)

Bagi syarikat-syarikat yang melakukan pelaburan semula untuk mengembangkan operasi perniagaan, Elaun Pelaburan Semula Tambahan diperkenalkan di bawah PENJANA iaitu elaun sebanyak 60 peratus ke atas pelaburan modal layak yang dilakukan dalam tempoh tiga tahun

(daripada tahun taksiran 2020 hingga tahun taksiran 2022) bagi projek perkilangan dan projek pertanian terpilih, tertakluk kepada syarat Elaun Pelaburan Semula sedia ada syarikat tersebut telah pun tamat.

## iii. Geran Automasi Pintar (*Smart Automation Grant, SAG*)

Pelaksanaan SOP yang dikuatkuasakan oleh pihak Kerajaan telah mengehadkan bilangan pekerja yang dibenarkan bekerja di pejabat atau pusat operasi dalam tempoh masa yang ditetapkan. Ini telah memberikan cabaran kepada syarikat-syarikat yang mempunyai kebergantungan tinggi kepada tenaga kerja manual terutamanya PKS dan syarikat peringkat pertengahan (*Mid-Tier Companies, MTC*).

Situasi ini secara tidak langsung menekankan kepentingan peralihan operasi perniagaan agar berorientasikan automasi dan digitalisasi, terutamanya bagi aktiviti pengeluaran dan saluran perdagangan.

Justeru, Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Geran Automasi Pintar (SAG) sebagai sokongan kewangan bagi memacu inisiatif syarikat-syarikat PKS dan MTC tempatan, khususnya dalam industri pengeluaran dan perkhidmatan berkaitan pengeluaran, untuk melaksanakan automasi dan digitalisasi dalam operasi masing-masing.

Menerusi geran ini, syarikat-syarikat boleh dipertimbangkan geran secara padanan (1:1) ke atas perbelanjaan layak sehingga jumlah maksimum sebanyak RM1 juta bagi setiap syarikat. Geran ini adalah di bawah seliaan MIDA dan agensi ini bertanggungjawab menilai dan meluluskan permohonan daripada syarikat-syarikat serta memantau prestasi keberkesanannya.

## iv. Penubuhan Unit Penyelaras dan Kemajuan Projek (*Project Acceleration and Coordination Unit, PACU*)

Pihak Kerajaan juga telah menubuhkan Unit Penyelaras dan Kemajuan Projek (PACU) di MIDA bagi memudahkan cara

dan mempercepatkan pelaksanaan projek perkilangan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI) dalam tempoh satu tahun pertama projek.

Menerusi PACU, MIDA menyediakan kemudahan kepada syarikat dengan memantau prestasi projek perkilangan dan perkhidmatan yang berkaitan, mengenalpasti cabaran yang dihadapi dan mengusulkan penyelesaian yang bersesuaian. Selain itu, PACU juga bertujuan melancarkan kerjasama syarikat dengan agensi-agensi Kerajaan berpusat dan peringkat negeri, agensi-agensi teknikal, dan agensi-agensi berkaitan lain bagi mempercepatkan kelulusan permohonan lesen perniagaan yang berkaitan.

Operasi PACU memperkenalkan *Implementation Tracking & Monitoring System* (ITMS) bagi memantau kemajuan projek daripada tarikh kelulusannya, memudahkanca kelulusan perniagaan terutamanya perkilangan dan perkhidmatan yang berkaitan serta memastikan pelaksanaan sesebuah projek lebih cekap dan pantas demi kepentingan para pelabur.

MIDA sebagai agensi kelulusan Lesen Pengilang (ML) turut memperkenalkan platform digital, *e-ML 2.0* di bawah operasi PACU bagi memendekkan tempoh kelulusan permohonan ML dalam masa dua hari bagi industri bukan sensitif berbanding tujuh hari sebelum ini.

#### v. Pemerkasaan Syarikat–Syarikat Tempatan Melalui Penambahbaikan Dana Strategik Pelaburan Tempatan (DISF)

Dana Strategik Pelaburan Tempatan (DISF) diperkenalkan bagi memacu peralihan syarikat tempatan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan yang disasarkan ke arah industri bernilai tambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan dan berdasarkan inovasi serta meningkatkan rantaian nilai dan daya saing syarikat di peringkat antarabangsa.

Kerajaan menawarkan pelbagai penambahbaikan di bawah DISF yang terpakai sehingga 31 Disember 2021. Antara penambahbaikan tersebut termasuklah:

**1**

Tawaran pusingan kedua DISF kepada projek dan syarikat yang sebelum ini telah diluluskan dana DISF (tertakluk kepada syarikat penerima yang sebelum ini telah menuntut sepenuhnya atau sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah geran yang diluluskan)

**2**

Perluasan Skop DISF merangkumi:

- Industri di dalam sektor ekosistem yang diklasifikasikan sebagai Berkepentingan Kepada Negara
- Industri perkilangan di dalam senarai aktiviti/keluaran digalakkan bagi syarikat kecil-kecilan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986

**3**

Kelayakan ekuiti direndahkan kepada sekurang-kurangnya 51% dimiliki oleh rakyat tempatan

**4**

Pindaan Nisbah Pembayaran Geran Modal bagi adaptasi teknologi Industri 4.0 dan Geran Latihan:

- 70% ditanggung oleh Kerajaan
- 30% ditanggung oleh syarikat


(tertakluk kepada pembayaran geran yang tidak melebihi RM500,000)

Penambahbaikan DISF ini bertujuan untuk menggiatkan lagi projek pelaburan baharu dan pembesaran/pelbagaiannya, khususnya dalam sektor ekosistem yang diklasifikasikan sebagai Berkepentingan Kepada Negara, serta membantu syarikat tempatan termasuk PKS kekal berdaya saing dalam tempoh pandemik ini.

Selain itu, keutamaan juga masih diberikan kepada sektor-sektor teknologi dan bernilai tambah tinggi termasuk industri Aeroangkasa, Peranti Perubatan, Farmaseutikal, Elektronik Termaju dan

Jentera & Peralatan serta aktiviti-aktiviti perkhidmatan terpilih seperti R&D dan penyediaan penyelesaian ICT berkaitan Industri 4.0 dan automasi.

### RANGKUMAN INISIATIF CETUSAN MIDA DI BAWAH PENJANA




### PENUBUHAN PUSAT SEHENTI (ONE STOP CENTRE, OSC)

Sebagai sebahagian daripada usaha pemuliharaan ekonomi, pihak Kerajaan juga telah menubuhkan operasi Pusat Sehenti (OSC) pada 2 Oktober 2020 bagi memudahkan pergerakan pelawat perniagaan ke dalam Malaysia untuk meneruskan

dan menjalankan perniagaan di negara ini. Penubuhan OSC ini dikendalikan oleh MIDA bersama wakil daripada MITI, Jabatan Imigresen dan Kementerian Kesihatan.

### 3 KOMPONEN UTAMA OPERASI PENUBUHAN PUSAT SEHENTI (OSC)



## TRANSFORMASI DIGITALISASI MIDA

MIDA juga telah melaksanakan inisiatif-inisiatif digitalisasi bagi memudahcara dan mempercepatkan proses permohonan dan kelulusan Lesen Pengilang (ML), galakan cukai, pengecualian duti import/cukai jualan serta kemudahan perniagaan kepada para pelabur

tempatan dan asing di Malaysia. Inisiatif-inisiatif ini telah menjadikan proses permohonan syarikat lebih teratur dan pada masa yang sama membantu melancarkan aktiviti ekonomi dengan lebih baik.

### SISTEM PERMOHONAN SECARA TALIAN YANG DILANCARKAN DI BAWAH INISIATIF DIGITALISASI MIDA

**i**

#### Sistem *e-ML 2.0*

Sistem ini dilancarkan di bawah operasi PACU dan membolehkan permohonan Lesen Pengilang (ML) diluluskan dalam tempoh masa dua hari (bagi industri bukan sensitif) berbanding tujuh hari sebelum ini.

**ii**

#### Sistem *e-incentive 2.0*

Sistem ini membolehkan syarikat perkilangan mengemukakan permohonan galakan bagi projek pengilangan baharu, projek pembesaran atau pelbagaiannya bagi keluaran/aktiviti-aktiviti yang digalakkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

**iii**

#### Sistem *e-TRANS JPC*

Sistem ini membolehkan syarikat mengemukakan permohonan baharu, lanjutan, kuantiti tambahan, pindaan serta rayuan bagi pengecualian duti import dan/atau cukai jualan bagi bahan mentah atau komponen dalam sektor pembuatan, serta pengecualian duti import dan/atau cukai jualan bagi jentera atau peralatan bagi aktiviti tertentu dalam sektor pertanian dan perkhidmatan, secara dalam talian. Sistem ini diintegrasikan bersama sistem *uCustoms* yang digunakan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia untuk memudahkan perkongsian maklumat dan data antara agensi-agensi Kerajaan bagi melancarkan proses kelulusan dan pemantauan permohonan syarikat.

## **USAHA PENERAPAN PENDIDIKAN BERORIENTASI KERJASAMA INSTITUSI PENDIDIKAN-INDUSTRI-MIDA BERSAMA UNIVERSITI MALAYA DAN PANASONIC APPLIANCES AIR-CONDITIONING MALAYSIA SDN. BHD. (PAPAMY)**

Kerjasama erat antara pihak pemain industri dan institusi pendidikan adalah sangat penting memandangkan institusi pendidikan merupakan entiti yang bertanggungjawab melahirkan graduan yang mampu mengadaptasi pengetahuan dan kemahiran di alam pekerjaan yang sebenar. Justeru, kerjasama antara kedua-dua pihak ini dapat memastikan kesinambungan antara penerapan pendidikan di universiti dengan keperluan industri.

Menyedari kepentingan ini, MIDA telah menjadi pencetus kepada kerjasama antara Panasonic Appliances Air-Conditioning Malaysia Sdn. Bhd. (PAPAMY) dan Universiti Malaya (UM) yang telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) pada 18 Disember 2020. MoU ini akan menyumbang kepada usaha peningkatan Industri 4.0, khususnya dalam bidang pembuatan dan kejuruteraan, melalui kerjasama strategik dalam projek penyelidikan Ijazah Sarjana dan PhD, penempatan latihan industri dan peluang pekerjaan serta penyelidikan umum antara pakar di UM dan PAPAMY.

Malaysia kini dalam usaha menuju ke era Industri 4.0 yang menekankan


peningkatan dan gabungan pengetahuan teknikal, pemikiran kritis, kemampuan menyelesaikan masalah dan juga kemahiran insaniah. Oleh itu, kemahiran bakat perlu bergerak seiring ke arah bidang pemacu teknologi Industri 4.0 seperti *Internet of Things* (IoT) dan lain-lain bagi memenuhi keperluan industri. PAPAMY dan UM melalui kerjasama ini telah mengambil pendekatan tepat dalam memperkasakan pendidikan tinggi dan membangunkan industri melalui penerapan pembangunan pengetahuan dan bakat berkemahiran tinggi. Ini bertepatan dengan aspirasi Malaysia ke arah Industri 4.0.

MoU ini merupakan satu contoh inisiatif kerjasama antara pemain industri dan sektor pendidikan yang sangat digalakkan oleh MIDA. Kerjasama yang melibatkan perkongsian kepakaran antara PAPAMY dan juga UM ini dijangka akan dapat melahirkan bakat-bakat yang berkompetensi digital bagi memenuhi keperluan industri semasa serta memperkasakan kualiti keseluruhan perindustrian di Malaysia.

# 05



## Prestasi Pelaburan 2020



# PRESTASI PELABURAN SEKTOR PERKILANGAN

Sektor perkilangan telah merekodkan prestasi yang cemerlang dengan mencatatkan peningkatan sebanyak 10.3 peratus pelaburan berbanding tahun lalu, meskipun berdepan pandemik COVID-19 yang mencabar. Ini membuktikan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi aktiviti perkilangan bernilai tinggi di rantau ini seiring dengan rantaian bekalan yang kian pulih pasca pandemik.

## KEKAL BERTAHAN

Sepanjang tahun 2020, sektor perkilangan Malaysia telah berjaya menarik pelaburan berjumlah RM91.3 bilion daripada 1,049 projek. Ini adalah peningkatan yang sangat signifikan berbanding tahun 2019 yang telah mencatatkan RM82.7 bilion daripada 988 projek. Mengambil kira aspek pandemik yang berlaku, ini adalah suatu pencapaian yang membanggakan.

Secara keseluruhannya, pelaburan yang diluluskan pada tahun 2020 bagi sektor perkilangan adalah daripada industri elektrikal dan elektronik (E&E) dengan nilai sebanyak RM15.6 bilion, diikuti produk petroleum termasuk petrokimia (RM15.5 bilion), produk logam asas (RM14.4 bilion), kertas, percetakan dan penerbitan (RM7.8 bilion), jentera dan peralatan (RM7.1 bilion), kimia dan produk kimia (RM6.3 bilion), produk getah (RM4.3 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM3.9 bilion) dan pengilangan makanan (RM3.3 bilion). Semua industri ini merangkumi

85.7 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan.

Pelaburan Langsung Asing (FDI) merangkumi 62 peratus daripada jumlah ini dengan nilai sebanyak RM56.6 bilion. Pelaburan asing kebanyakannya adalah terdiri daripada projek baharu bernilai RM36.8 bilion atau 65 peratus, manakala baki sebanyak RM19.8 bilion atau 35 peratus adalah projek pembesaran/pelbagai. Pelaburan Langsung Domestik (DDI) pula meningkat sebanyak RM6.4 bilion berbanding pada tahun 2019 kepada RM34.7 bilion pada tahun 2020.

Jumlah pelaburan bagi projek baharu pula menyumbang 66.9 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan projek perkilangan yang diluluskan, peningkatan 12.2 peratus berbanding tahun 2019. Ini mencerminkan daya tahan para pemain industri dan sektor perkilangan negara yang kekal kompetitif.

### SOROTAN SEKTOR PERKILANGAN TAHUN 2020



## PECAHAN INDUSTRI PELABURAN ASING

Secara pecahan mengikut industri, FDI yang diluluskan kebanyakannya adalah bagi industri E&E sebanyak RM13.6 bilion, kertas, percetakan dan penerbitan sebanyak RM6.9 bilion, jentera dan peralatan sebanyak RM4.8 bilion, serta industri kimia dan produk kimia sebanyak RM4.6 bilion. Manakala, industri produk asas logam merekodkan prestasi FDI yang sangat memberangsangkan pada tahun 2020 dengan jumlah keseluruhan pelaburan untuk industri ini meningkat daripada RM694.4 juta pada tahun 2019 kepada RM14.1 bilion pada tahun 2020.

Republik Rakyat Cina kekal menjadi penyumbang FDI terbesar pada tahun ini dengan jumlah RM17.8 bilion, diikuti dengan Singapura (RM8.8 bilion), Belanda (RM6.5 bilion), Kepulauan Virgin British (RM5.5 bilion), Amerika Syarikat (RM3.7 bilion), Hong Kong (RM2.9 bilion), Switzerland (RM2.8 bilion), Thailand (RM1.9 bilion), Jepun (RM1.6 bilion), Republik Korea (RM1.4 bilion) dan Jerman dengan RM1.2 bilion. Secara keseluruhannya, 11 negara ini menyumbang RM54.1 bilion atau 95.6 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan asing.

## PECAHAN INDUSTRI PELABURAN DOMESTIK

Pelaburan domestik telah mencatatkan peningkatan yang ketara pada tahun 2020. DDI yang diluluskan dalam sektor perkilangan adalah didominasi oleh pelaburan baharu yang menyumbang sebanyak RM24.3 bilion atau 70 peratus daripada jumlah keseluruhan DDI. Sementara itu, 30 peratus atau RM10.4 bilion daripada DDI sektor perkilangan terdiri daripada projek pembesaran/pelbagaiian.

Industri yang paling banyak menarik minat pelabur tempatan adalah produk petroleum

termasuk petrokimia dengan nilai sebanyak RM12.6 bilion yang merangkumi 36.3 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan domestik yang diluluskan. Ini diikuti dengan produk getah (RM3.9 bilion), pengilangan makanan (RM2.3 bilion), jentera dan peralatan (RM2.3 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM2.2 bilion), E&E (RM2.1 bilion), fabrikasi logam (RM1.9 bilion), kimia dan produk kimia (RM1.6 bilion) serta industri minuman dan tembakau (RM1 bilion).

### 5 INDUSTRI BERPRESTASI TINGGI TAHUN 2020


DDI		<b>RM12.6 bilion</b> Produk Petroleum (termasuk petrokimia)		<b>RM3.9 bilion</b> Produk Getah		<b>RM2.3 bilion</b> Pengilangan Makanan		<b>RM2.3 bilion</b> Jentera dan Peralatan		<b>RM2.2 bilion</b> Kelengkapan Pengangkutan
FDI		<b>RM14.1 bilion</b> Produk Asas Logam		<b>RM13.6 bilion</b> Elektrikal dan Elektronik		<b>RM6.9 bilion</b> Kertas, Percetakan & Penerbitan		<b>RM4.8 bilion</b> Jentera dan Peralatan		<b>RM4.6 bilion</b> Kimia dan Produk Kimia

## PELUANG PEKERJAAN

Projek yang diluluskan bagi tahun 2020 dalam sektor perkilangan dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada 80,190 individu. Sebanyak 35.8 peratus atau 28,706 daripada jumlah keseluruhan peluang pekerjaan yang dijana pada tahun 2020 adalah dalam bidang pengurusan, teknikal dan penyeliaan, dan baki 51,484 atau 64.2 peratus dalam bidang jualan

dan perkeranian, pengendali dan pemasang jentera/mesin, dan lain-lain.

Majoriti peluang pekerjaan yang dijana adalah daripada lima sektor utama iaitu E&E (19,541), produk getah (11,498), kertas, percetakan, dan penerbitan (6,038), kelengkapan pengangkutan (5,245) dan pengilangan makanan (4,846).



## PROJEK BERINTENSIFKAN MODAL

Tahun 2020 mencatatkan jumlah projek berintensifkan modal yang bernilai RM1,138,055 iaitu peningkatan sebanyak 8.1 peratus berbanding RM1,052,497 pada tahun 2019. Produk petroleum termasuk petrokimia mencatatkan kadar nisbah pelaburan modal setiap pekerja (CIPE) tertinggi iaitu RM20,253,248 diikuti produk logam asas (RM3,146,288), minuman dan tembakau (RM2,489,335), kimia dan produk kimia (RM1,760,325) serta peralatan saintifik dan pengukuran (RM1,672,723).

Rancangan Malaysia Ke-11 (11MP) menggariskan subsektor 3+2 penting yang

terdiri daripada tiga subsektor pemangkin iaitu E&E, jentera dan peralatan serta kimia dan produk kimia, dan dua subsektor berpotensi tinggi iaitu peralatan perubatan dan aeroangkasa.

CIPE bagi 372 projek dalam subsektor 3+2 ini pada tahun 2020 adalah RM895,031 yang sedikit menurun berbanding CIPE pada tahun 2019 yang bernilai RM1,075,994. Sejumlah 39,292 peluang pekerjaan turut diwujudkan daripada subsektor ini dengan E&E sebagai penyumbang terbesar iaitu sebanyak 19,541 peluang perkerjaan merangkumi 49.7 peratus.

## PECAHAN PELABURAN MENGIKUT NEGERI

Selangor, Johor, dan Pulau Pinang menjadi tiga negeri dengan bilangan projek tertinggi bagi tahun 2020. Manakala, tiga negeri yang

menerima jumlah pelaburan diluluskan tertinggi ialah Selangor, Sarawak dan Pulau Pinang, diikuti dengan Sabah dan Johor.


### PECAHAN PELABURAN MENGIKUT NEGERI

#### NILAI PELABURAN



5 negeri ini merangkumi **73.4%** daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2020

#### BILANGAN PROJEK



## KADAR PELAKSANAAN PROJEK

Penambahan 1,049 projek pada tahun 2020 menjadikan jumlah keseluruhan projek yang diluluskan dalam tempoh lima tahun kebelakang (2016-2020) mencapai 4,178 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM383.5 bilion. Sebanyak 70 peratus atau 2,926 projek dengan nilai RM197.2 bilion telah dilaksanakan setakat ini, yang mana 2,739 projek sudah mula beroperasi manakala 187 projek masih lagi sedang dalam fasa pembinaan kilang dan pemasangan jentera.

Dari segi aspek penjanaan pekerjaan pula, sejumlah 215,203 peluang pekerjaan telah diwujudkan daripada 2,926 projek tersebut. Majoriti projek yang dilaksanakan sepanjang tempoh lima tahun tersebut adalah dalam industri utama seperti E&E, produk petroleum termasuk petrokimia, produk mineral bukan logam, pengilangan makanan dan kelengkapan pengangkutan.

# PRESTASI PELABURAN SEKTOR PERKHIDMATAN

Sektor perkhidmatan memainkan peranan yang penting sebagai perantara kepada rantaian bekalan. Namun, sekatan yang terpaksa dilakukan berikutan penularan wabak COVID-19 telah menjelaskan sektor ini seterusnya memberi impak kepada prestasi pelaburan.

## MERENTASI CABARAN


Rentetan pandemik yang berlaku telah menyaksikan penurunan bagi pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan sebanyak 45.2 peratus, daripada RM121.7 bilion pada tahun 2019 kepada RM66.7 bilion pada tahun 2020.

Hampir kesemua subsektor perkhidmatan utama mengalami penurunan dalam jumlah pelaburan yang diluluskan dengan pengecualian terhadap beberapa subsektor sahaja seperti status projek MSC, perkhidmatan seperti status BioNexus dan projek pembangunan perisian.

Namun, sektor perkhidmatan kekal menjadi sektor yang penting kepada ekonomi Malaysia sebagai penyumbang kedua terbesar kepada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan pada tahun 2020. Pelaburan dalam sektor ini melibatkan 3,527 projek yang dijangka akan menjana peluang pekerjaan sebanyak 33,652.

Lima penyumbang utama bagi pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan adalah hartaanah, utiliti, perkhidmatan sokongan, telekomunikasi dan status MSC. Secara keseluruhan, subsektor-subsektor ini mewakili 84.4 peratus daripada jumlah keseluruhan.

### 5 SUBSEKTOR PERKHIDMATAN TERTINGGI TAHUN 2020




## DOMINASI SYARIKAT TEMPATAN

Syarikat domestik merangkumi 90.3 peratus daripada jumlah pelaburan diluluskan iaitu sebanyak RM60.2 bilion, manakala pelaburan asing mencatatkan 9.7 peratus dengan nilai pelaburan berjumlah RM6.5 bilion pada tahun 2020.

Peningkatan pelaburan tempatan ini adalah didorong kecenderungan lokaliti berikut

pandemik yang berlaku di mana keadaan ini telah memperkasakan semula peranan pemain industri domestik dalam menyumbang kepada ekonomi negara. Jumlah pelaburan tempatan yang diluluskan ini kebanyakannya adalah daripada harta tanah, utiliti, telekomunikasi dan perkhidmatan sokongan khususnya perkhidmatan logistik bersepadu dan teknologi hijau.

### SOROTAN SEKTOR PERKHIDMATAN TAHUN 2020



## MEMANGKIN PERKEMBANGAN SEKTOR

Dalam usaha merencana langkah ke hadapan, MIDA akan bekerjasama rapat dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bagi menyediakan input bersesuaian untuk membantu proses perangkaan pelan penting negara, termasuk Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu (2021-2030) untuk terus memperkasakan sektor perkhidmatan.

Seiring dengan Revolusi Industri 4.0 dan ekonomi negara yang kini berada dalam fasa pemulihan, penggalakan pertumbuhan dalam subsektor perkhidmatan akan menjadi fokus berterusan MIDA dengan penekanan kepada pelaburan yang bernilai tambah tinggi, berintensifkan pengetahuan dan yang bernilai penting dalam rantai ekonomi serta mampu menjana peluang pekerjaan yang berkualiti.

# PRESTASI PELABURAN SEKTOR UTAMA


Sektor utama mengalami kejutan semasa tempoh suku pertama tahun 2020 berikutan ketidakstabilan harga komoditi disebabkan pandemik yang melanda seluruh dunia. Namun keadaan beransur pulih berikutan permintaan yang mula stabil dan pelbagai sokongan daripada Kerajaan.

## SUMBANGAN BERTERUSAN

Pada tahun 2020, sebanyak 23 projek telah diluluskan dalam sektor utama dengan pelaburan berjumlah RM6 bilion, penurunan sebanyak 13.9 peratus berbanding RM7 bilion yang direkodkan pada tahun 2019. RM1.1 bilion iaitu sebanyak 17.5 peratus daripada

jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2020 adalah terdiri daripada pelaburan asing, sementara pelaburan domestik menyumbang sebanyak RM4.9 bilion atau 82.5 peratus. Pelaburan ini dijangka akan menjana lebih daripada 831 peluang pekerjaan.

### SOROTAN SEKTOR UTAMA TAHUN 2020



## SEKTOR PERTANIAN

Subsektor pertanian merupakan antara subsektor yang paling terkesan akibat penguatkuasaan PKP pada tahun 2020. Aktiviti penanaman, penternakan dan penangkapan ikan adalah komponen utama dalam subsektor pertanian di Malaysia yang sama sekali tidak dapat dilaksanakan semasa tempoh tersebut.

Pada tahun 2020, hanya satu projek telah diluluskan dengan jumlah keseluruhan pelaburan sebanyak RM2.4 juta, penurunan sebanyak 98.2 peratus berbanding tahun lalu iaitu RM135.1 juta.

## MERANGSANG SUBSEKTOR PERTANIAN

Kerajaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif bagi membantu proses pemuliharaan sektor utama. Sokongan kewangan ini bertujuan untuk menggalakkan peralihan kepada sektor yang bernilai tambah tinggi dan memanfaatkan teknologi digital bagi mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh bagi meningkatkan produktiviti secara keseluruhan.

<b>Program Pertanian Komuniti</b>	Lanjutan program dengan peruntukan sebanyak RM30 juta bagi peralatan seperti kit fertigasi dan medium tanaman yang akan memanfaatkan 60,000 peserta
<b>Projek Pertanian Organik</b>	Projek komuniti bernilai RM50 juta yang akan memberi manfaat kepada 1,000 peserta komuniti
<b>Program Ladang e-Satelit</b>	RM10 juta bagi pembelian peralatan berdasarkan <i>Internet of Things</i> (IoT) bagi petani dan peladang
<b>Program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan</b>	Pinjaman melalui Agrobank sehingga RM5 juta pada kadar 3.5% untuk tempoh 10 tahun bagi nelayan
<b>Program Pemodenan Rantaian Nilai Agromakanan</b>	Pinjaman melalui Agrobank sehingga RM1 juta pada kadar 3.5% untuk tempoh 10 tahun untuk usahawan bagi pembelian peralatan dan teknologi berdasarkan Industri 4.0
<b>Program Pembangunan Akuakultur</b>	RM10 juta bagi usahawan mikro untuk membangunkan ternakan akuakultur yang bernilai tinggi
<b>Pelaksanaan projek pertanian yang bernilai tinggi</b>	RM100 juta melalui usahasama bersama Kerajaan Negeri

## PERLOMBONGAN

Subsektor ini menyumbang 99.5 peratus daripada keseluruhan pelaburan diluluskan dalam sektor utama melibatkan 11 projek dengan nilai RM6 bilion pada tahun 2020. Daripada jumlah ini, terdapat sembilan projek berkaitan cari gali minyak dan gas. Sebanyak

17.6 peratus daripada jumlah tersebut adalah pelaburan asing yang berjumlah RM1.1 bilion, manakala pelaburan domestik merangkumi 82.4 peratus dengan nilai pelaburan berjumlah RM4.9 bilion. Kesemua projek ini dijangka akan mewujudkan 24 peluang pekerjaan.

## PERLADANGAN DAN KOMODITI

Subsektor perladangan dan komoditi telah merekodkan jumlah pelaburan sebanyak RM27 juta menerusi 11 projek, yang dijangka akan mewujudkan sebanyak 804 peluang pekerjaan. Keseluruhan pelaburan dalam subsektor ini adalah daripada sumber domestik yang majoritinya disumbang oleh komoditi lada hitam dan perladangan hutan yang bernilai RM25.8 juta.

Diakui adalah sukar untuk meramal landskap permintaan dan harga komoditi di

peringkat global pada masa hadapan. Bagi mengurangkan kesan ketidaktentuan ini, pelbagai inisiatif berkaitan telah diumumkan di bawah Belanjawan 2021 bagi memperkasakan sektor ini agar kekal terus menjadi sebahagian daripada penyumbang utama ekonomi negara. Antaranya adalah geran padanan bernilai RM30 juta bagi menggalakkan penggunaan jentera dan automasi serta insentif berjumlah RM16 juta bagi pengeluaran lateks yang akan dimulakan dengan projek pilot di Pahang, Terengganu dan Kelantan.

## MELUASKAN RANGKAIAN KERJASAMA PERNIAGAAN MALAYSIA DAN REPUBLIK KOREA - KERJASAMA MIDA BERSAMA KOSME & 'KOREA DESK'

Kerjasama perniagaan adalah aspek penting dalam usaha merancakkan pelaburan negara. Justeru, 'Sesi Padanan Teknologi Korea-Malaysia' telah diadakan dari 30 November 2020 hingga 2 Disember 2020 bagi mempromosikan kerjasama perniagaan antara Malaysia dan Republik Korea. Program ini merupakan hasil kerjasama antara MIDA dan *Korean SMEs and Startups Agency (KOSME)* iaitu sebuah agensi Kerajaan yang ditubuhkan untuk menyokong perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negara itu. Sesi padanan perniagaan secara maya ini merupakan sesi kedua seumpamanya susulan sesi pertama yang terdahulu diadakan pada Ogos 2020.

Untuk program kali ini, KOSME telah menyenarai pendek 12 syarikat Republik Korea berpotensi untuk mengembangkan perniagaan ke Malaysia melalui pencarian rakan niaga yang bersesuaian bagi tujuan pemindahan teknologi, perkongsian, usahasama dan pengeluaran OEM. Semua syarikat yang telah dipilih ini adalah terdiri daripada pelbagai industri dan kepakaran termasuk industri elektrikal dan elektronik (E&E), teknologi hijau serta perubatan.

Lebih daripada 50 syarikat Malaysia yang dikenalpasti oleh MIDA juga telah turut serta dalam program ini dan terlibat secara aktif dalam sesi *business matching*. Program ini telah membuka peluang kepada syarikat untuk meneroka dan mengadaptasi teknologi canggih dan terkini dari Republik Korea bagi meningkatkan produktiviti sekali gus membantu mereka meluaskan rangkaian pelanggan di peringkat domestik dan juga global.

### Menuju Masa Hadapan Berteknologi Tinggi

MIDA sentiasa optimis bahawa rangkaian industri sokongan tempatan dan infrastruktur perniagaan yang mantap di negara ini mampu meningkatkan keyakinan pelabur asing untuk meluaskan operasi mereka ke negara ini. Justeru, MIDA mensasarkan projek-projek pelaburan strategik berkaitan produk dan perkhidmatan yang berteknologi tinggi dan berlandaskan perkembangan *mega trend*, termasuk Industri 4.0.


Oleh itu, kerjasama yang terjalin antara Republik Korea dan Malaysia khususnya dalam sektor bernilai tinggi seperti ICT, analisis data, reka bentuk dan pembangunan adalah suatu usaha yang sangat penting dalam menyediakan peluang serta mendorong syarikat-syarikat Malaysia untuk kekal berdaya saing dalam rantaian nilai global yang sedang berkembang pesat dan pantas.

Bagi memastikan kesinambungan dan momentum pelaburan berterusan, satu unit khas telah ditubuhkan secara bersama antara MIDA dan KOSME yang dikenali sebagai '*Korea Desk*', yang diberi mandat untuk terus memberikan sokongan dan memainkan peranan sebagai pemudah cara kepada pelabur Republik Korea di Malaysia. Ini akan memastikan proses pelaburan serta pelaksanaan perniagaan antara kedua-dua negara dapat berjalan dengan lancar.

# 06



## Aktiviti Penggalakan Pelaburan



## AKTIVITI PROMOSI PELABURAN BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

MIDA terlibat secara langsung dalam mengendalikan program-program bersama komuniti perniagaan tempatan seperti persidangan meja bulat bersama *Captains of Industry* serta mesyuarat bersama para pelabur yang berpotensi. Selain itu, MIDA juga berperanan dalam memberikan khidmat

nasihat kepada pegawai tinggi Kerajaan dan menjadi sumber rujukan bagi isu-isu berkaitan hubungan antara Malaysia dan negara-negara rakan pelaburannya.

MIDA telah menganjurkan sebanyak 40 program webinar sepanjang tahun 2020.

# PENGGALAKAN PELABURAN ASING

## MERENTASI SEMPADAN DALAM MENARIK PELABURAN

Sepanjang tahun 2020, MIDA telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti promosi bagi menarik pelaburan asing, khususnya dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Walaupun kebanyakannya terpaksa dilaksanakan dalam keadaan norma baharu melalui platform dalam talian disebabkan oleh pandemik yang melanda, program-program yang dianjurkan tetap mampu mencapai objektif dalam memastikan momentum pelaburan berterusan di negara ini.

Program-program yang telah dianjurkan termasuklah siri webinar secara hibrid, forum dan sesi dialog bersama wakil-wakil kedutaan asing, institusi perbankan, persatuan-persatuan dan dewan-dewan perniagaan dalam dan luar negara.

MIDA juga telah melancarkan *e-Specific Project Mission* dan *e-Domestic Specific Project Mission* dalam usaha untuk terus menarik kemasukan

pelaburan baharu dan menggalakan pelaburan semula yang melibatkan elemen-elemen teknologi tinggi seperti automasi pintar dan Industri 4.0, berintensifkan pengetahuan dan modal serta bernilai tambah tinggi.

Selain itu, MIDA telah melancarkan operasi Pusat Sehenti (*One Stop Centre*) pada 2 Oktober 2020 bagi menguruskan kemasukan pelawat perniagaan ke dalam negara Malaysia. Pusat ini memainkan peranan yang penting dalam menjalankan saringan kesihatan pelawat perniagaan bagi memelihara kesihatan masyarakat umum di samping memastikan urusan perniagaan para pelabur diteruskan secara lancar di negara ini.


Segala usaha yang dijalankan melambangkan komitmen MIDA untuk memastikan keadaan pelaburan negara kekal berada pada tahap yang optimum walaupun menghadapi cabaran dan situasi ketidaktentuan pada ketika ini.

## MISI PERDAGANGAN DAN PELABURAN

Misi Perdagangan dan Pelaburan merupakan suatu siri lawatan kerja khas ke luar negara yang dianjurkan oleh MIDA bagi mempromosi Malaysia sebagai hab pelaburan berkualiti tinggi. Misi ini kebiasaannya diketuai oleh YAB Perdana Menteri atau YB Menteri Kanan mahupun YB Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) selaku ketua delegasi Malaysia dan diiringi oleh pihak pengurusan tertinggi MIDA serta wakil-wakil daripada Kementerian, Kerajaan Negeri, koridor-koridor ekonomi dan pemain-pemain industri dan sektor swasta.

Misi ini mensasarkan negara-negara pengeksport utama dunia dan negara-negara peneraju dalam bidang teknologi seperti Jepun, Amerika Syarikat, Republik Korea dan Republik Rakyat China.

Sepanjang tempoh tahun 2020, MIDA telah menganjurkan serta menyertai tujuh Misi Perdagangan dan Pelaburan dan lawatan kerja ke luar negara. Selain itu, pihak pengurusan tertinggi MIDA juga terlibat dalam beberapa lawatan kerja di dalam negara.



**15 MEI****Huawei Malaysia**

Webinar Post-Covid-19 Economic Situation Prediction in Malaysia bersama China Enterprise Chamber of Commerce in Malaysia (CECCM)

**28 MEI****MIDA**

Webinar Deloitte-MIDA

**9 JUN****MIDA**

Webinar Diversifying the Supply Chain bersama HSBC

**Jun****22 MEI****MIDA**

Webinar bersama British Malaysia Chamber of Commerce (BMCC)

**9 JUN****MIDA**

Webinar Future Global High Tech Hub bersama HSBC

**11 JUN****MIDA**

Webinar bersama Malaysia Australia Business Council

**26 JUN****MIDA**

Webinar bersama Citibank

**23 JUN****MIDA**

Webinar Catching or Missing The Boat? oleh HSBC, MIDA & AMCHAM

**16 JUN****MIDA**

Webinar bersama European Union Chamber of Commerce in China: Malaysia is Open for Business: A Global Supply Chain Hub

**25 JUN****MIDA**

Webinar Assisting SMEs to Embrace IR4.0 bersama Credit Guarantee Corporation (CGC)

**17 JUN****MIDA**

Webinar Covid-19 Turning Setback into Comeback bersama Standard Chartered

**15 Jun****MIDA**

Webinar bersama AIM Dubai

**23 JULAI****MIDA**

Webinar bersama CEO Clubs Network

**17 OGOS****MIDA**

Webinar Pra-Rakaman Microsoft: Embracing Industry 4.0

**21 JULAI****MIDA**

Webinar bersama World Association of Investment Agencies (WAIPA)

**30 JULAI****MIDA**

Webinar Malaysia as a Gateway to ASEAN bersama Federation of Indian Chambers of Commerce & Industry (FICCI)

**23 OGOS****MIDA**

Sesi Jalinan Rangkaian bersama syarikat di Negeri Sembilan

**22 SEPTEMBER****MIDA**

Webinar bersama Singapore Business Federation

**4 SEPTEMBER****MITI**

Webinar bersama MEDEF International France

**Oktober****14 OKTOBER****MIDA**

Webinar Making Malaysia as Your Regional Operations Hub bersama Argentina

**18 SEPTEMBER****MIDA**

BMCC Digital Form

**September****23 OGOS****MIDA**

Sesi Jalinan Rangkaian bersama syarikat di Melaka

### Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU)

MIDA telah menandatangani sebanyak tiga Memorandum Persefahaman (MoU) pada tahun 2020. MoU dimeterai oleh MIDA sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan bagi

menarik lebih banyak pelaburan yang berkualiti tinggi ke Malaysia. Selain itu, MoU juga bertujuan memastikan ekosistem perniagaan di Malaysia kekal berdaya saing agar negara ini terus menjadi destinasi pilihan pelaburan di rantau Asia.

**10 JANUARI**



Menandatangani MoU berkenaan kolaborasi promosi pelaburan dan *lead generation* bagi FDI bersama *United Overseas Bank* (UOB)

**11 JUN**



Menandatangani MoU berkenaan kolaborasi promosi pelaburan dan *lead generation* bagi FDI bersama *Standard Chartered Bank*

**8 DISEMBER**



Menandatangani MoU berkenaan kolaborasi dalam menarik pelaburan bernilai tinggi dan perkhidmatan berasaskan teknologi bersama *Cyberview Sdn Bhd*

### Maklum Balas Pertanyaan Dan Taklimat

MIDA memainkan peranan penting dalam menyediakan perkhidmatan maklum balas pertanyaan awam mengenai proses penubuhan projek perkilangan dan perkhidmatan di Malaysia menerusi operasi *Business Information Centre* (BIC) di ibu pejabatnya dan juga melalui sistem atas talian. Sepanjang tahun 2020, MIDA telah merekodkan sebanyak 72 pertanyaan melalui e-mel rasmi *investmalaysia* selain pertanyaan-pertanyaan yang diterima oleh bahagian-bahagian industri di MIDA menerusi panggilan telefon atau melalui e-mel.

MIDA juga telah mengadakan taklimat untuk delegasi asing, sektor swasta, persatuan-persatuan perkilangan dan perkhidmatan, dewan perniagaan serta agensi Kerajaan bagi memaklumkan dasar terkini, insentif sedia ada dan ekosistem perniagaan di Malaysia.

### Siri Mesyuarat Bersama Pelabur Berpotensi

MIDA juga aktif dalam menganjurkan pelbagai aktiviti promosi termasuk mengadakan beberapa siri mesyuarat yang melibatkan pelabur antarabangsa dan tempatan.

Berikutan pandemik COVID-19 yang melanda komuniti global, kebanyakan mesyuarat dan perjumpaan diadakan secara atas talian, selaras dengan saranan pihak Kerajaan.

Sepanjang tahun 2020, MIDA telah menganjurkan 16 mesyuarat dalam talian dan 26 mesyuarat secara bersemuka bersama syarikat-syarikat multinasional (MNC) berpotensi, dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah digariskan oleh Kerajaan.

# PENGGALAKAN PELABURAN DOMESTIK

## KETERLIBATAN BERSAMA PENGERAK PELABURAN TEMPATAN

Tahun 2020 menyaksikan keadaan ekonomi bertukar secara mendadak daripada ekonomi berasaskan kehendak kepada ekonomi berasaskan keperluan. Pandemik yang berlaku telah menjelaskan produktiviti, rantai bekalan dan rancangan pertumbuhan operasi perniagaan. Keadaan ini memaksa syarikat, terutamanya syarikat tempatan untuk mengkaji semula pendekatan masing-masing bagi menangani impak pandemik dan memastikan kelestarian operasi dalam tempoh jangka masa panjang.

MIDA melalui Bahagian Pelaburan Tempatan dan Penyalaras Rantaian Bekalan (DISC) dan pejabat-pejabat Negeri MIDA melaksanakan pelbagai inisiatif sepanjang tahun bagi mengekalkan momentum pelaburan tempatan dan mengukuhkan ekosistem perniagaan negara.

Antara inisiatif-inisiatif MIDA untuk merangsangkan pelaburan tempatan termasuk:

### Menyerlahkan Landskap Pelaburan Domestik

#### **MIDA Invest Series Conference: Jelajah di Setiap Negeri**



Program ini bertujuan untuk memberi penjelasan kepada komuniti perniagaan mengenai peluang-peluang pembangunan dan pelaburan terkini di negeri masing-masing. Siri pertama dijalankan pada tahun 2020 dan telah melibatkan pembentangan daripada wakil setiap negeri di Malaysia. Siri kedua akan diteruskan pada tahun 2021.

### Meningkatkan daya saing syarikat tempatan

#### **Inisiatif Platform Koordinasi Pelaburan Domestik (DICP)**

Syarikat-syarikat tempatan merupakan penggerak utama ekonomi negara. Namun begitu, kebanyakan syarikat tempatan hanya

berfokus kepada perniagaan teras masing-masing dan tidak mempunyai daya saing yang tinggi untuk menjadi sebahagian daripada rantai bekalan syarikat-syarikat multinasional (MNC) atau mengembangkan perniagaan ke peringkat antarabangsa.

Melalui program-program dan sesi perbincangan bersama syarikat-syarikat tempatan, MIDA telah mengenalpasti dua faktor utama yang menjadi halangan kepada syarikat untuk meluaskan empayar perniagaan. Faktor-faktor tersebut adalah:

- (i) Kekurangan atau ketiadaan sumber kewangan tambahan
- (ii) Kadar penggunaan teknologi maju dan terkini yang rendah di dalam proses pembuatan dan perniagaan

Menyedari kepentingan untuk menangani kekangan ini, MIDA telah mewujudkan satu pasukan berdedikasi yang dikenali sebagai Platform Koordinasi Pelaburan Domestik (DICP) bagi membantu syarikat-syarikat tempatan, khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS), menangani kekangan yang dihadapi dalam mengembangkan perniagaan masing-masing. Pasukan ini bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa tempatan, agensi-agensi Kerajaan, pusat-pusat penyelidikan, penyedia teknologi, institusi kewangan serta firma penasihat pelaburan dan ekuiti untuk mengenalpasti ekosistem pelaburan yang diperlukan oleh syarikat-syarikat ini bagi meningkatkan rantaian nilai dan daya saing.

### **Melonjakkan Potensi Syarikat Tempatan**

#### **Pusat Rujukan Pelaburan PKS (SME Investment Desk)**

Pusat ini berfungsi sebagai *One Stop Centre* untuk memberi nasihat kepada PKS mengenai kemudahan yang ditawarkan oleh Kerajaan bagi meningkatkan keupayaan operasi syarikat. Melalui inisiatif ini, PKS boleh sentiasa berhubung dan merujuk ibu pejabat atau pejabat Negeri MIDA bagi memperoleh panduan perniagaan.

Seiring dengan inisiatif ini, MIDA telah menganjurkan lebih daripada 57 program, termasuk mesyuarat meja bulat, sesi suai kenal dan program jangkauan melalui pejabat-pejabat Negeri MIDA.

#### **Kerjasama bersama Persatuan-Persatuan Industri dan Dewan Perniagaan Tempatan**

MIDA mengadakan pelbagai mesyuarat dan dialog secara kerjasama dengan Persatuan-Persatuan Industri dan Dewan Perniagaan Tempatan bagi menyalurkan maklumat terkini mengenai agenda dan inisiatif promosi dan fasilitasi pelaburan yang dijalankan oleh Kerajaan, terutamanya bagi mengurangkan impak pandemik. Aktiviti ini juga menggalakkan interaksi antara MIDA bersama pihak industri.

#### **Seminar Pelaburan Domestik**

Seminar Pelaburan Domestik bertujuan menyebarkan maklumat mengenai dasar dan kemudahan terkini berkaitan pelaburan, sekali gus membuka ruang kepada pemain industri untuk meluaskan rangkaian kenalan perniagaan dengan agensi-agensi Kerajaan lain serta meneroka potensi kerjasama perniagaan.

#### **Misi Projek Khusus Domestik (DSPM)**

Inisiatif ini diteraju oleh Bahagian-Bahagian Industri di MIDA dan dilaksanakan melalui perjumpaan secara fizikal atau maya bersama syarikat-syarikat berpotensi di seluruh negara untuk membincangkan agenda pelaburan syarikat. Inisiatif khusus ini memudahkan syarikat-syarikat untuk merealisasikan cadangan penubuhan projek perkilangan atau perkhidmatan baharu, pembesaran atau pelbagai di dalam negara.

### **Memacu Pemain Industri Tempatan ke Peringkat Global**

#### **Program Pembangunan Vendor / Program Rantaian Bekalan / Program Lighthouse Facilitation**



Program-program ini merupakan usaha MIDA bagi menggalakkan kerjasama strategik antara syarikat-syarikat domestik dengan syarikat MNC, institusi kewangan dan juga penyedia teknologi untuk meningkatkan keupayaan teknologi di kalangan syarikat domestik dan mewujudkan lebih banyak peluang kepada syarikat-syarikat ini untuk menyertai rantaian bekalan global.

Pada 2020, MIDA telah mengadakan 15 program bersama syarikat multinasional dan syarikat besar domestik yang melibatkan 96 vendor tempatan, iaitu lima Program Rantaian Bekalan, tujuh Program Pembangunan Vendor dan tiga Program *Lighthouse Facilitation*. Pencapaian jumlah nilai sumber tempatan hasil pengelolaan program ini adalah sebanyak RM2 bilion.

#### **Promosi Kawasan Perindustrian Melalui Platform Digital – MIDA GIS**

Sistem Maklumat Geografi (GIS) telah dibangunkan untuk membantu pegawai-pegawai MIDA mempromosi kawasan-kawasan perindustrian sedia ada di Malaysia kepada pelabur asing dan domestik serta memudahkan para pelabur baharu mencari lokasi tapak kilang yang bersesuaian untuk menempatkan kilang.

MIDA GIS juga memberi peluang kepada pemilik atau pihak pengurusan taman-taman industri untuk mempromosikan kawasan masing-masing. Pada masa yang sama, platform ini bertindak sebagai satu pusat pengumpulan atau pangkalan data berkaitan kawasan perindustrian di Malaysia.

## Seminar Pelaburan Domestik

**26 FEBRUARI**  
MIDA Sentral, Kuala Lumpur  
Fizikal

Seminar ECER-UOB-MIDA:  
*Growing and Expanding  
Opportunities in East Coast  
Economic Region*



**21 FEBRUARI**  
MIDA Sentral, Kuala Lumpur  
Fizikal

Siri Pelaburan MIDA:  
Negeri Sembilan

**28 JULAI**  
MIDA Sentral, Kuala Lumpur  
Webinar

Siri Pelaburan MIDA:  
Johor

**15 OKTOBER**  
MIDA Sentral, Kuala Lumpur  
Webinar

Siri Pelaburan MIDA: Melaka

## Platform Koordinasi Pelaburan Domestik



**15 OKTOBER**  
MIDA Sentral, Kuala Lumpur  
Webinar

Forum Pembiayaan  
Pembekal: Accelerating  
Supply Chain Development of  
Local Companies & SMEs

## MIDA Pocket Talks bersama Persatuan / Dewan Perniagaan / Pembekal Syarikat Multinasional

**21 FEBRUARI**  
MIDA Sentral, Kuala Lumpur  
Fizikal

FMM SMI, Youth &  
Entrepreneurship  
Committee (SYEC)

**21 MEI**  
MIDA Sentral, Kuala Lumpur  
Webinar

National Chamber  
& Commerce and  
Industry Malaysia

**4 OGOS**  
MIDA Sentral, Kuala Lumpur  
Webinar

Standard Chartered Bank

**22 OKTOBER**  
MIDA Sentral, Kuala Lumpur  
Webinar

Pocket Talks:  
SME's CEO Forum

**10 NOVEMBER**  
MIDA Sentral, Kuala Lumpur  
Webinar

Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM):  
*Economic Recovery: Malaysia's  
Investment Climate Amidst  
Covid-19 Pandemic and  
Updates on Investor Support  
for Business Recovery*

**Program Rantaian Bekalan**

**5 MAC**  
MIDA Sentral, Kuala Lumpur  
Webinar

*Local Sourcing Engagement bersama Wistron Technology (Malaysia) Sdn Bhd*

**29 JULAI**  
MIDA Sentral, Kuala Lumpur  
Webinar

Jabil Circuit Sdn Bhd

**3 SEPTEMBER**  
MIDA Sentral, Kuala Lumpur  
Fizikal

Honda Malaysia Sdn Bhd

**24 SEPTEMBER**  
MIDA Sentral, Kuala Lumpur  
Fizikal

*Malaysian Consortium Mid-Tiers Companies*

**16 DISEMBER**  
MIDA Sentral, Kuala Lumpur  
Webinar

Tamco Switchgear (Malaysia) Sdn Bhd

**Program Pembangunan Vendor**

**23 JANUARI**  
MIDA Sentral, Kuala Lumpur  
Fizikal

II-VI Incorporated (Finisar)

**6 JULAI**  
MIDA Sentral, Kuala Lumpur  
Webinar

Bromma (M) Sdn Bhd

**26 OGOS**  
MIDA Sentral, Kuala Lumpur  
Webinar

Camel Power

**4 SEPTEMBER**  
MIDA Sentral, Kuala Lumpur  
Webinar

Daikin

**15 SEPTEMBER**  
MIDA Sentral, Kuala Lumpur  
Webinar

Boingtech Malaysia Sdn Bhd

**29 SEPTEMBER**  
MIDA Sentral, Kuala Lumpur  
Webinar

TF-AMD Microelectronics (Penang) Sdn Bhd

**29 SEPTEMBER**  
MIDA Sentral, Kuala Lumpur  
Webinar

Keysight Technologies Sdn Bhd

**Program Lighthouse Facilitation**

**28 JULAI**  
MIDA Sentral, Kuala Lumpur  
Fizikal/ Webinar

*Lighthouse Facilitation bagi BASF (Malaysia) and Partners*

**7 OKTOBER**  
MIDA Sentral, Kuala Lumpur  
Webinar

*Malaysia Lighthouse Project/ Program Pembangunan Vendor bagi Perodua Vendors*

**11 NOVEMBER**  
MIDA Sentral, Kuala Lumpur  
Webinar

*Malaysia Lighthouse Project bagi Hartalega Corporation Berhad*

**Pameran / Summit / Persidangan**

**22 JANUARI**  
Hotel Dorsett, Putrajaya  
Fizikal

*Malam Aspirasi Pejuang*

**11 FEBRUARI**  
Grand Hyatt Hotel  
Fizikal

*Blackline Breakfast Roundtable*

**12-16 FEBRUARI**  
Plaza Dataran Merdeka,  
Kuala Lumpur  
Fizikal

*Konvensyen Usahawan Wanita (KONVENITA)*

## PROGRAM LIGHTHOUSE: PENANDA ARAS BAHARU KE ARAH INDUSTRI 4.0

MIDA telah melancarkan Program Lighthouse Malaysia pada 21 Mei 2020 bagi memacu *Industry4WRD*. Program Lighthouse ini disasarkan untuk membantu para pemain industri dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan bagi mempercepatkan adaptasi Industri 4.0 dalam sistem operasi masing-masing.

Menerusi program ini, syarikat-syarikat yang telah mengadaptasi teknologi perkilangan pintar akan menjadi penanda aras dan mendorong syarikat-syarikat lain dalam usaha mengaplikasi kecerdasan buatan (AI), analisis *big data*, pengkomputeran *cloud* dan *Internet of Things (IoT)*. Syarikat-syarikat yang berada di tahap permulaan boleh menjalani proses pembelajaran yang unik dalam menerapkan *Lighthouse Model* untuk meningkatkan daya saing dan memudahkan proses transformasi mereka.

Program Lighthouse tempatan ini adalah adaptasi dari sebuah projek anjuran bersama oleh *World Economic Forum* dan *McKinsey Global Lighthouse Project* yang dilancarkan pada tahun 2018, iaitu kerjasama penyelidikan dengan kilang-kilang yang maju dan terkemuka di dunia. MIDA mensasarkan Program Lighthouse ini akan berjaya

menghasilkan projek-projek perkilangan dan perkhidmatan yang bernilai tambah dan berteknologi tinggi sekali gus memanfaatkan ekosistem pengeluaran di Malaysia.

Program ini berteraskan tiga komponen utama, iaitu pengaplikasian teknologi, transformasi tempat kerja dan peningkatan skala rantaian bekalan hujung-ke-hujung yang bertujuan untuk merancakkan peralihan industri ke arah masa depan perkilangan. Selain menggalakkan aplikasi Perkilangan Pintar 4.0, MIDA akan turut mengintegrasikan budaya Inovasi/R&D, Kerjasama Ekosistem, Pembangunan Sosioekonomi dan Pembangunan Sumber Manusia kepada syarikat-syarikat untuk memperkasakan lagi proses perniagaan.

Secara keseluruhannya, program ini akan membolehkan lebih banyak peluang pekerjaan dijana selain menambahkan kapasiti inovasi syarikat dan bekalan tenaga kerja berkemahiran, sekali gus meningkatkan produktiviti kedua-dua sektor ini. Ia juga dapat menarik projek perkilangan dan perkhidmatan pintar global untuk ditubuhkan di Malaysia melalui kemasukan pelaburan berkualiti. Kesemua faktor ini akan memacu ke arah kemakmuran ekonomi negara.

### Langkah 1



**Interface Pengguna**  
Fasa Perintis

### Langkah 2



**Fleksibiliti**

- Integrasi Teknologi 4.0 Berskala
- Model 4 Walls Lighthouse

### Langkah 3



**Automasi Big Data**

- Mempengaruhi Pertumbuhan Ekosistem, Kesalinghubungan dengan Rantaian Bekalan
- Model Lighthouse Hujung-ke-Hujung

Sumber: Maklumat diperoleh daripada *Global Lighthouse Network*.

# 07

## Penyata Kewangan





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat Berteguran**

Saya telah mewakilkan sebuah firma audit swasta untuk mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 47.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 (Akta 397) kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

**Asas Kepada Pendapat Berteguran**

**Hartanah, Loji dan Peralatan RM28,713,531**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat berteguran saya.

Baki kos kenderaan, perkakasan komputer dan peralatan pejabat pada 31 Disember 2020 di Nota 7, kepada Penyata Kewangan adalah berjumlah RM16,306,441 manakala rekod dalam sistem aset (CMSys) menunjukkan baki berjumlah RM45,019,972. Terdapat perbezaan

berjumlah RM28,713,531 yang tidak dapat dipadankan. Oleh itu, ketepatan kos kenderaan, perkakasan komputer dan peralatan pejabat berjumlah RM16,306,441 seperti yang didebak di Nota 7 penyata kewangan tidak dapat disahkan.

### **Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 (Akta 397). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa

mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada *fraud* atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada *fraud* adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana *fraud* mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai persempahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia termasuk pendedahannya, dan sama ada Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

## **Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 (Akta 397), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 (Akta 397) untuk disimpan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia telah disimpan dengan sempurna kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

### **Hal-hal Lain**

Saya ingin menarik perhatian terhadap kelemahan kawalan dalaman berkaitan pengurusan kewangan dan penyediaan penyata kewangan. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia perlu mengambil tindakan menyelesaikan isu berulang yang dibangkitkan dan meningkatkan kawalan dalaman termasuk memastikan rekod kewangan serta sistem perakaunan berkomputer dikemas kini. Ini bertujuan memastikan maklumat yang dipersembahkan dalam penyata kewangan adalah tepat dan betul.

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah berdasarkan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 (Akta 397) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

  
**(DATUK NOR SALWANI BINTI MUHAMMAD)**  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA  
7 DISEMBER 2021



**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**  
**(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia**  
**(Pindaan) 2011)**

**PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI JEMAAH**

Kami, **ARHAM ABDUL RAHMAN** dan **TAN SRI DATO' SOH THIAN LAI** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Jemaah, **Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Jemaah, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia**, pada 31 Disember, 2020 dan hasil kendaliannya serta perubahan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Jemaah,



**ARHAM ABDUL RAHMAN**

PENGERUSI

28 JUN 2021

KUALA LUMPUR

Bagi pihak Jemaah,



**TAN SRI DATO' SOH THIAN LAI**

AHLI JEMAAH

29 JUN 2021

KUALA LUMPUR

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

Saya, **ZALINA ZAINOL** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
diakui oleh penama di atas )  
di KUALA LUMPUR )  
pada 30 JUN 2021 )



**ZALINA ZAINOL**



NO 8A, LORONG SELANGOR,  
TAMAN MELAWATI,  
53100 KUALA LUMPUR,  
0126385528

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)****PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2020**

	<b>Nota</b>	<b>2020 RM</b>	<b>Dinyatakan Semula 2019 RM</b>
<b><u>ASET</u></b>			
<b>Aset Semasa</b>			
Tunai dan Kesetaraan Tunai	3	137,851,134	184,055,018
Deposit dengan Institusi Kewangan Berlesen		50,000,000	-
Pinjaman dan Akaun Belum Terima bagi Urus Niaga Pertukaran	4	8,557,828	28,497,285
Kupon Belum Terima	5	2,120,000	2,120,000
Pendahuluan Geran	6	36,414,193	5,710,713
<b>Jumlah Aset Semasa</b>		<b>234,943,155</b>	<b>220,383,016</b>
<b>Aset Bukan Semasa</b>			
Pinjaman dan Akaun Belum Terima bagi Urus Niaga Pertukaran	4	6,216,383	4,585,618
Kupon Belum Terima	5	24,619,164	25,289,919
Loji dan Peralatan	7	21,230,023	19,681,180
Aset Pajakan	8	122,873,275	125,436,350
Aset Tak Ketara	9	391,121	744,212
Hartanah Pelaburan	10	326,810	326,810
<b>Jumlah Aset Bukan Semasa</b>		<b>175,656,776</b>	<b>176,064,089</b>
<b>Jumlah Aset</b>		<b>410,599,931</b>	<b>396,447,105</b>
<b><u>LIABILITI</u></b>			
<b>Liabiliti Semasa</b>			
Akaun Belum Bayar	11	36,889,242	15,489,959
Geran Tertunda	12	160,445,184	161,170,698
Peruntukan Imbuhan Tahunan	13	3,300,000	5,978,228
Obligasi Pajakan	14	2,480	1,240
Manfaat Pekerja	15	1,138,134	385,984
<b>Jumlah Liabiliti Semasa</b>		<b>201,775,040</b>	<b>183,026,109</b>

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2020  
(SAMBUNGAN)**

	Nota	2020 RM	Dinyatakan Semula 2019 RM
<b>Liabiliti Bukan Semasa</b>			
Akaun Belum Bayar	11	284,129	204,775
Obligasi Pajakan	14	25,037	25,055
Manfaat Pekerja	15	<u>12,696,203</u>	<u>12,185,386</u>
<b>Jumlah Liabiliti Bukan Semasa</b>		<b><u>13,005,369</u></b>	<b><u>12,415,216</u></b>
<b>Jumlah Liabiliti</b>		<b><u>214,780,409</u></b>	<b><u>195,441,325</u></b>
<b>Aset Bersih</b>		<b><u>195,819,522</u></b>	<b><u>201,005,780</u></b>
<b>ASET BERSIH/EKUITI</b>	16		
- Kumpulan Wang Terkumpul Mengurus		192,469,522	197,655,780
- Kumpulan Wang Terkumpul Pembiayaan Komputer		350,000	350,000
- Kumpulan Wang Terkumpul Pinjaman Kenderaan		3,000,000	3,000,000
<b>Jumlah Aset Bersih/Ekuiti</b>		<b><u>195,819,522</u></b>	<b><u>201,005,780</u></b>

Nota-nota dan polisi perakaunan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)****PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2020**

	<b>Nota</b>	<b>2020 RM</b>	<b>Dinyatakan Semula 2019 RM</b>
<b>Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran</b>			
Penerimaan daripada Geran Kerajaan	17	152,000,000	170,000,000
Pendapatan Tertunda daripada Akaun-Akaun Khas (Pembangunan)		315,426,529	313,342,842
Pendapatan Tertunda daripada Akaun-Akaun Khas (Mengurus)		1,130,820	140,213
Pendapatan Tertunda daripada Akaun Pembangunan MIDA		1,726,543	7,195,220
		<u>470,283,892</u>	<u>490,678,275</u>
<b>Hasil daripada Urusniaga Pertukaran</b>			
Pendapatan Sewaan	18	813,342	1,526,826
Pendapatan Faedah/Keuntungan Hibah	19	4,105,304	8,294,563
Lain-lain Pendapatan		2,485,173	3,977,142
Hutang Ragu Dikutip		52	114,739
		<u>7,403,871</u>	<u>13,913,270</u>
<b>Jumlah Hasil</b>		<b><u>477,687,763</u></b>	<b><u>504,591,545</u></b>
<b>Belanja</b>			
Upah, Gaji dan Manfaat Pekerja	20	101,080,319	99,485,522
Perbelanjaan Sewaan		22,471,200	24,710,053
Perkhidmatan Ikhtisas/Lain dan Hospitaliti		21,082,356	22,829,493
Belanja Susutnilai dan Pelunasan Penjejasan Aset Kewangan	21	3,567,981	3,529,645
Hutang Lapuk		11,032	81,248
Perhubungan dan Utiliti		15,402	-
Pembaikan dan Penyelenggaraan		6,797,035	8,003,777
Perjalanan dan Sara Hidup		5,142,028	6,900,951
Belanja Faedah		2,278,446	9,375,245
Belanja Lain	22	1,222	1,223
Pelunasan daripada Akaun-Akaun Khas (Pembangunan)		2,971,667	3,524,192
Pelunasan daripada Akaun-Akaun Khas (Mengurus)		315,426,529	313,342,842
Pelunasan daripada Akaun-Akaun Pembangunan MIDA		1,130,820	140,213
<b>Jumlah Belanja</b>		<b><u>284,042</u></b>	<b><u>9,985</u></b>
		<b><u>482,260,079</u></b>	<b><u>491,934,389</u></b>

## LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)

Nota	2020 RM	Dinyatakan Semula 2019 RM
<b>Lebihan/(Kurangan) Lain</b>		
Keuntungan atas Penjualan Loji dan Peralatan	23,996	33,655
Kerugian atas Pertukaran Matawang Asing	(637,938)	(435,093)
	<b><u>(613,942)</u></b>	<b><u>(401,438)</u></b>
<b>(Kurangan)/Lebihan Tahun Semasa</b>	<b><u>(5,186,258)</u></b>	<b><u>12,255,718</u></b>

Nota-nota dan polisi perakaunan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

**PENYATA PERUBAHAN AKTIVA BERSIH BAGI TAHUN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2020**

Kumpulan Wang Terkumpul Mengurus Nota 16 RM	Kumpulan Wang Terkumpul Pembayaan Komputer Nota 16 RM	Kumpulan Wang Terkumpul Pinjaman Kenderaan Nota 16 RM	Jumlah RM
157,347,503 - 28,052,559	350,000 -	3,000,000 -	160,697,503 28,052,559
185,400,062	350,000	3,000,000	188,750,062
	12,361,091 (105,373)	-	12,361,091 (105,373)
	12,255,718 197,655,780	-	12,255,718 201,005,780
	350,000	3,000,000	3,000,000
<b>Baki pada 1 Januari 2019</b>			
- Dinyatakan tahun sebelum			
- Pelarasan tahun terdahulu			
<b>Baki pada 1 Januari 2019 seperti dinyatakan semula</b>			
Lebihan untuk tahun 2019			
-Dinyatakan sebelum			
-Pelarasan tahun sebelum			
Lebihan seperti dinyatakan semula			
<b>Baki pada 31 Disember 2019</b>			
<b>Baki pada 1 Januari 2020</b>			
- Dinyatakan tahun sebelum			
- Pelarasan tahun terdahulu			
<b>Baki pada 1 Januari 2020 seperti dinyatakan semula</b>			
Kurangan untuk Tahun 2020			
<b>Baki pada 31 Disember 2020</b>			

Nota-nota dan polisi perakaunan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

**PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2020**

	Nota	2020 RM	Dinyatakan Semula 2019 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>			
(Kurangan)/Lebihan tahun semasa		(5,186,258)	12,255,718
<b>Pergerakan bukan tunai</b>			
Susutnilai Loji dan Peralatan		671,055	616,448
Pelunasan Aset Tak Ketara		333,851	350,122
Pelunasan Aset Pajakan		2,563,075	2,563,075
Belanja Faedah		1,222	1,223
Keuntungan atas Penjualan Loji dan Peralatan		(23,996)	(33,655)
Rugi Hapuskira Loji dan Peralatan		215,252	1,831
Peruntukan untuk Imbuhan Tahunan		3,300,000	5,978,228
Penjejasan Aset Kewangan		11,032	81,248
Peruntukan Manfaat Pekerja		1,712,259	1,456,364
Pindahan dari Akaun-Akaun Khas (Mengurus)		-	(100,001)
Pendapatan Faedah Meningkat		(1,449,245)	(1,484,214)
Pendapatan Faedah/Hibah daripada			
Deposit/Pembiayaan		<u>(4,105,304)</u>	<u>(8,295,133)</u>
(Kurangan)/Lebihan Operasi sebelum Perubahan			
Modal Kerja		(1,957,057)	13,391,254
Perubahan Modal Kerja :			
Kurangan/(Tambah) Akaun Belum Terima		18,958,253	(17,221,202)
Kurangan Kupon Belum Terima		2,120,000	2,120,000
Tambah/(Kurangan) Akaun Belum Bayar		21,478,637	(23,956,046)
Kurangan Imbuhan Tahunan		(5,978,228)	(3,500,000)
Kurangan Manfaat Pekerja		<u>(449,292)</u>	<u>(853,201)</u>
Tunai bersih daripada/(digunakan dalam)			
Aktiviti Operasi		34,172,313	(30,019,195)
Pendapatan Faedah/Hibah daripada			
Deposit/Pembiayaan		<u>3,444,711</u>	<u>8,044,240</u>
<b>Aliran tunai bersih daripada/(digunakan dalam) aktiviti operasi</b>		<b><u>37,617,024</u></b>	<b><u>(21,974,955)</u></b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>			
Pembelian Loji dan Peralatan		(2,415,915)	(7,797,282)
(Tambah)/Kurangan Deposit di Institusi Berlesen		(50,000,000)	40,000,000
Pembelian Aset Tak Ketara		-	(44,668)
Kutipan daripada Pelupusan Kenderaan Pejabat		24,000	33,657
<b>Aliran tunai bersih (digunakan dalam)/daripada aktiviti pelaburan</b>		<b><u>(52,391,915)</u></b>	<b><u>32,191,707</u></b>

## LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

### PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)

	Nota	2020 RM	Dinyatakan Semula 2019 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>			
Penerimaan Akaun-Akaun Khas (Pembangunan)		287,117,000	284,735,000
Pembayaran Akaun-Akaun Khas (Pembangunan)		(346,248,145)	(314,534,807)
Penerimaan Akaun-Akaun Khas (Mengurus)		30,519,574	207,566
Pembayaran Akaun-Akaun Khas (Mengurus)		(1,130,820)	(140,213)
Penerimaan Akaun Pembangunan MIDA		39,941	10,009,985
Pembayaran Akaun Pembangunan MIDA		(1,726,543)	(7,195,220)
<b>Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan</b>		<b>(31,428,993)</b>	<b>(26,917,689)</b>
<b>Pengurangan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai</b>		<b>(46,203,884)</b>	<b>(16,700,937)</b>
<b>Tunai dan Kesetaraan Tunai pada 1 Januari</b>		<b>184,055,018</b>	<b>200,755,955</b>
<b>Tunai dan Kesetaraan Tunai pada 31 Disember</b>	3	<b>137,851,134</b>	<b>184,055,018</b>

Nota-nota dan polisi perakaunan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

**PENYATA PRESTASI BAJET BAGI TAHUN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2020**

Nota: Asas penyediaan bajet dan asas penyediaan perakaunan adalah berbeza. Penyata Prestasi Bajet telah disediakan dengan asas penyediaan bajet.

<b>Anggaran Hasil</b>	<b>Anggaran Asal 2020</b>	<b>Anggaran Disemak 2020</b>	<b>Anggaran Akhir 2020</b>	<b>Hasil Sebenar 2020</b>		<b>Hasil Sebenar Dinyatakan Semula 2019</b>
				<b>RM</b>	<b>RM</b>	
Peruntukan Geran Mengurus	160,000,000	(8,000,000)	152,000,000	152,000,000	-	140,000,000
Peruntukan Tambahan Mengurus	21,820,882	(21,820,882)	-	-	-	30,000,000
Pendapatan Sewaan	800,000	-	800,000	800,000	813,342	1,526,826
Pendapatan dari Faedah Bank	4,000,000	-	4,000,000	4,000,000	4,073,941	8,264,994
Pendapatan Faedah/Keuntungan Hibah	40,000	-	40,000	40,000	31,363	29,569
Lain-lain Pendapatan	160,000	-	160,000	160,000	2,485,173	3,977,142
Jumlah Hasil	<b>186,820,882</b>	<b>(29,820,882)</b>	<b>157,000,000</b>	<b>159,403,819</b>	<b>183,798,531</b>	

## LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

### PENYATA PRESTASI BAJET BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)

	Peruntukan Asal 2020 RM	Pelarasan 2020 RM	Peruntukan Akhir 2020 RM	Perbelanjaan Sebenar Dalam Asas Perbandingan 2020 RM	Varian Bajet 2020 RM
<b>Perbelanjaan Operasi (Vot B)</b>					
Perbelanjaan Emolumen	101,331,762	-	101,331,762	101,080,319	251,443
Bekalan dan Perkhidmatan	82,718,720	(27,320,882)	55,397,838	57,798,721	(2,400,883)
Aset	1,100,000	-	1,100,000	909,221	190,779
Bayaran-Bayaran lain	1,670,400	-	1,670,400	1,495,631	174,769
Jumlah Perbelanjaan Mengurus	186,820,882	(27,320,882)	159,500,000	161,283,892	(1,783,892)

Nota-nota dan polisi perakaunan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)****NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2020****1. Maklumat Umum**

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia(MIDA) ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) Akta 1965 [Akta 397].

Kegiatan utama MIDA adalah untuk menggalak dan menyelaras pembangunan industri dan perkhidmatan berkaitan di Malaysia. Ibu Pejabat MIDA ditempatkan di MIDA Sentral, No. 5, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

Penyata Kewangan ini telah dibentang dan diluluskan melalui mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah pada 28 Jun 2021.

**2.1 Asas Penyediaan****(a) Tempoh Laporan dan Entiti**

Penyediaan Penyata Kewangan MIDA adalah tertakluk kepada Akta 1980 Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) di mana tempoh pelaporan tidak dinyatakan di dalam Akta tersebut. Oleh itu, tahun kewangan MIDA adalah dari 1 Januari hingga 31 Disember selaras dengan Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan Mata Wang fungsian dan pelaporan MIDA.

**(b) Penyata Pematuhan**

Penyata Kewangan disediakan pada Asas Akruan.

Penyata Kewangan ini telah disediakan berdasarkan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan.

Penyata kewangan telah disediakan atas dasar kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya. Penyata aliran tunai disediakan menggunakan kaedah tidak langsung.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MPSAS memerlukan penggunaan anggaran perakaunan kritikal tertentu. Ia juga memerlukan para Pengarah membuat pertimbangan dalam penilaian dalam proses menggunakan polisi perakaunan MIDA.

## LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

### 2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting

#### (a) Pengiktirafan Hasil

##### **Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran**

Hasil daripada urusniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama dan diiktiraf pada kawalan mendapatkan aset jika pindahan itu adalah bebas daripada syarat dan terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan berkaitan dengan aset tersebut akan dijana kepada MIDA dan boleh diukur dengan pasti.

##### **Hasil daripada Urusniaga Pertukaran**

###### Pendapatan faedah

Hasil Faedah Terakru menggunakan Kaedah Kadar Faedah Berkesan.

Kadar Faedah Berkesan mendiskauan dengan tetap anggaran terimaan tunai masa hadapan melalui usia guna Aset Kewangan kepada Amaun Bawaan Bersih Aset tersebut. Kadar ini digunakan untuk menentukan Hasil Faedah setiap tempoh daripada prinsipal yang tertunggak.

###### Pendapatan sewa

Pendapatan sewa yang diterima daripada pajakan operasi ke atas pelaburan harta tanah diambil kira mengikut asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan dan dimasukkan sebagai hasil.

#### (b) Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan terdiri daripada tanah pegangan bebas dipegang untuk hasil sewa jangka panjang atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya, dan tidak diduduki oleh MIDA.

Hartanah pelaburan diukur pada mulanya pada kos, termasuk kos urusniaga. Selepas pengiktirafan awal, harta tanah pelaburan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai dan penjejasan terkumpul. Tiada susutnilai pada pelaburan harta tanah kerana ianya adalah tanah pegangan bebas.

Perbelanjaan berikutan dipermodalkan kepada nilai dibawa aset hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan perbelanjaan tersebut akan mengalir kepada MIDA dan kos unit tersebut boleh diukur dengan pasti. Semua pembaikan dan kos penyelenggaraan dibelanjakan apabila ditanggung. Apabila sebahagian daripada harta tanah pelaburan diganti, nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tidak diiktiraf.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)****2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)****(b) Hartanah Pelaburan (Sambungan)**

Hartanah pelaburan hendaklah dinyahiktirafkan (dikeluarkan daripada penyata kedudukan kewangan) semasa pelupusan atau apabila penggunaan harta pelaburan itu ditamatkan selama-lamanya dan tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan dijangkakan daripada pelupusannya. Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan ditentukan dengan membandingkan perolehan dengan amaun dibawa lebihan atau kurangan dimasukkan dalam keuntungan/(kerugian) bersih. Apabila adanya perubahan pada kegunaan harta tersebut, maka pindahan dibuat kepada/daripada harta pelaburan.

**(c) Loji dan Peralatan**

Semua loji dan peralatan kecuali kerja dalam perlaksanaan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai dan penjejasan terkumpul. Susutnilai ke atas aset dalam kerja-kerja pembinaan bermula apabila aset tersebut sedia untuk digunakan. Hanya loji dan peralatan berharga RM2,000 dan ke atas setiap unit dipermodalkan. Kos sesuatu unit loji dan peralatan diiktiraf pada awalnya termasuk harga pembelian dan sebarang kos yang berkaitan secara langsung untuk membawa aset kepada lokasi dan berada dalam keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikendalikan oleh pihak pengurusan.

Kos berikutnya dimasukkan dalam amaun di bawah asset atau diiktiraf sebagai asset berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan dan potensi perkhidmatan yang digunakan oleh MIDA dan kos unit tersebut boleh diukur dengan pasti. Amaun dibawa bahagian yang diganti dinyahiktiraf. Semua pemberaan dan penyelenggaraan lain diiktiraf sebagai perbelanjaan lebihan atau kurangan dalam tempoh kewangan tersebut.

Susutnilai dikenakan pada kaedah garis lurus dengan memperuntukkan kos asset ditolak nilai sisa:

Pengubahsuaian	20% setahun
Kenderaan	20% setahun
Peralatan komputer	20% setahun
Peralatan pejabat	10% setahun

Nilai baki asset dan hayat berguna dikaji dan dilaraskan secara prospektif, jika sesuai, pada akhir setiap tempoh pelaporan.

## LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

### 2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)

#### (c) Loji dan Peralatan (Sambungan)

Pada akhir tempoh laporan ini, MIDA menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk penjejasan. Sekiranya wujud, analisa akan dibuat untuk menilai sama ada nilai dibawa aset boleh pulih sepenuhnya. Nilai dibawa aset dikurangkan dengan serta-merta kepada amaun boleh pulih, atau amaun perkhidmatan boleh pulih, jika jumlah bawaan aset adalah lebih besar daripada amaun atau perkhidmatan boleh pulih.

MIDA menyahiktiraf item hartanah, loji dan peralatan dan / atau mana-mana sebahagian besar daripada aset semasa pelupusan atau tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan digunakan oleh MIDA. Untung atau rugi yang timbul daripada penyahiktirafan item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dimasukkan ke dalam lebihan atau kurangan apabila item tersebut dinyahiktirafkan.

#### (d) Pajakan Operasi

Pajakan adalah suatu perjanjian di mana pemberi pajakan menyewakan kepada penerima pajakan untuk suatu bayaran atau siri bayaran bagi hak penggunaan aset untuk tempoh masa yang dipersetujui.

##### Pajakan operasi - MIDA sebagai penerima pajakan

Pajakan aset di mana sebahagian besar daripada risiko dan ganjaran hakmilik disimpan oleh pemberi pajakan adalah diklasifikasikan sebagai pajakan operasi. Bayaran di bawah pajakan operasi (selepas ditolak sebarang incentif yang diterima daripada pemberi pajakan) adalah dicaj kepada lebihan atau kurangan pada kadar garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

##### Pajakan operasi - MIDA sebagai pemberi pajakan

Apabila aset dipajak di bawah pajakan operasi, aset yang termasuk dalam penyata kedudukan kewangan berdasarkan kepada jenis aset. Pajakan pendapatan diiktiraf sepanjang tempoh pajakan berdasarkan kaedah garis lurus.

#### (e) Pajakan Kewangan

Pajakan Kewangan hendaklah direkodkan di Penyata Kedudukan Kewangan sebagai Aset dan Obligasi untuk membayar sewaan masa hadapan.

Ia hendaklah diiktiraf pada Nilai Saksama Aset Pajakan atau, jika lebih rendah, Nilai Kini Bayaran Minimum Pajakan yang masing-masing ditentukan pada tarikh Insepsi Pajakan. Dalam mengira Nilai Kini Bayaran Minimum Pajakan, Faktor Diskaun adalah Faedah Implisit dalam Pajakan berkenaan. Apa-apa kos langsung awal Pemajak hendaklah ditambahkan kepada amaun yang diiktiraf sebagai Aset.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)****2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)****(e) Pajakan Kewangan (Sambungan)**

Kadar Faedah yang implisit dalam Pajakan ditakrifkan dalam piawaian sebagai kadar diskaun yang, pada insepsi pajakan, menyebabkan nilai kini agregat bagi

- (a) bayaran minimum pajakan dan
- (b) Nilai Sisa tidak terjamin yang bersamaan dengan jumlah
  - (i) nilai saksama Aset pajakan dan
  - (ii) kos langsung awal Pemberi Pajak.

Dalam terma mudah, Kadar Faedah Implisit dalam pajakan adalah kadar pulangan dalaman Pemberi Pajak daripada Pajakan dengan mengambil kira harga tunai biasa Aset Pajakan, sewaan dan Amaun Boleh Pulih yang dijangka daripada Nilai Sisa oleh Pemberi Pajak.

Sekiranya perkara ini tidak boleh dilaksanakan, Pemajak hendaklah menggunakan Kadar Pinjaman Bertambah untuk menentukan Nilai Kini Bayaran Minimum Pajakan. Kadar pinjaman bertambah adalah kadar yang belum bayar oleh Pemajak bagi Pajakan yang serupa atau, sekiranya tidak boleh ditentukan, kadar pada tarikh insepsi bagi Pajakan yang akan ditanggung oleh Pemajak atas pinjaman dengan tempoh dan sekuriti yang serupa.

Bayaran Minimum Pajakan adalah bayaran bagi sepanjang Tempoh Pajakan yang belum bayar, atau boleh disyaratkan terhadap Pemajak, yang tidak termasuk sewaan luar jangka, kos untuk perkhidmatan dan cukai yang belum bayar dan dituntut semula kepada Pemberi Pajak bersama-sama dengan amaun yang dijamin oleh Pemajak atau pihak lain yang berkaitan dengan Pemajak (sebagai contoh, kumpulan entiti yang lain). Sebagai tambahan, sekiranya Pemajak mempunyai opsyen untuk membeli Aset pada harga yang menyebabkannya sangat pasti, pada Insepsi Pajakan, yang opsyen berkenaan akan dilaksanakan, maka Pemajak hendaklah memasukkan bayaran untuk melaksanakan opsyen berkenaan dalam pengiraan Bayaran Minimum Pajakan. Sekiranya tidak pasti bahawa opsyen berkenaan akan dilaksanakan, penalti kerana tidak melaksanakan opsyen berkenaan hendaklah dimasukkan ke dalam Bayaran Minimum Pajakan. Ianya akan menjadi sangat pasti bahawa opsyen akan dilaksanakan sekiranya, pada Insepsi Pajakan, dijangkakan bahawa harga opsyen akan cukup rendah berbanding jangkaan Nilai Saksama Aset pada tarikh opsyen berkenaan dilaksanakan.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)****2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)****(e) Pajakan Kewangan (Sambungan)**

Aset yang dipajak secara Pajakan Kewangan hendaklah disusutnilaikan sepanjang Tempoh Pajakan atau usia gunanya yang lebih pendek, melainkan terdapat kepastian yang munasabah bahawa Pemajak akan mendapat hak pemilikan Aset berkenaan pada akhir tempoh pajakan, maka Aset berkenaan hendaklah disusutnilaikan sepanjang gunanya.

Bayaran pajakan hendaklah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan baki Liabiliti. Caj kewangan hendaklah diagihkan sepanjang tempoh pajakan, supaya menghasilkan kadar faedah berkala yang tetap bagi baki Liabiliti pada setiap tempoh. Piawaian ini mengambil maklum bahawa, dalam keadaan sebenar, sesetengah bentuk anggaran mungkin perlu digunakan untuk memudahkan pengiraan peruntukan berkenaan.

Tempoh pajakan tanah dan bangunan adalah 99 tahun manakala susutnilai dikenakan pada kaedah garis lurus menggunakan tempoh susutnilai berikut:

Tanah pajakan	99 tahun
Bangunan pajakan	50 tahun

**(f) Aset Tak Ketara – Perisian Komputer dan Sistem**

Kos berkaitan dengan pembangunan dan penyelenggaraan program perisian komputer diambil kira apabila kos tersebut ditanggung yang berkaitan secara langsung dengan produk perisian yang dikenal pasti serta yang dikawal oleh MIDA diiktiraf sebagai aset tak ketara apabila kriteria berikut dipenuhi:

- (i) Kebolehlaksanaan teknikal dalam menyiapkan Aset Tak Ketara supaya ia tersedia untuk diguna atau dijual;
- (ii) Hasrat entiti untuk menyiapkan Aset Tak Ketara tersebut untuk diguna atau dijual;
- (iii) Keupayaan entiti untuk mengguna atau menjual Aset Tak Ketara;
- (iv) Cara Aset Tak Ketara akan berkemungkinan menghasilkan faedah ekonomi atau potensi perkhidmatan masa hadapan. Antara lain, entiti boleh menunjukkan kewujudan pasaran untuk output Aset Tak Ketara tersebut atau Aset Tak Ketara itu sendiri atau, jika ia adalah untuk digunakan secara dalaman, kebergunaan Aset Tak Ketara tersebut;
- (v) Ketersediaan sumber teknikal, kewangan dan sumber lain yang mencukupi untuk menyiapkan pembangunan dan untuk menggunakan atau menjual Aset Tak Ketara tersebut; dan
- (vi) Keupayaan untuk mengukur dengan pasti belanja yang boleh dikaitkan dengan Aset Tak Ketara sewaktu pembangunan.

Kos langsung yang dipermodalkan sebagai sebahagian daripada produk perisian termasuk kos pekerja pembangunan perisian dan bahagian overhead yang relevan.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)****2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)****(f) Aset Tak Ketara – Perisian Komputer dan Sistem (Sambungan)**

Perbelanjaan pembangunan yang lain yang tidak memenuhi kriteria ini diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ditanggung. Kos pembangunan yang sebelum ini diiktiraf sebagai perbelanjaan tidak diiktiraf sebagai aset dalam tempoh berikutnya. Kos pembangunan perisian komputer dikira sebagai aset dilunaskan dari titik di mana aset tersebut sedia untuk digunakan sepanjang anggaran hayat berguna, yang tidak melebihi 5 tahun.

Perisian komputer yang dibeli dipermodalkan berdasarkan jumlah kos pembelian dan penggunaan perisian tersebut. Kos tersebut dilunaskan mengikut anggaran tempoh hayat berguna selama 5 tahun.

**(g) Penjejasan Aset Bukan Kewangan**Penjejasan aset janaan tunai

Pada setiap tarikh pelaporan, MIDA menilai sama ada terdapat petunjuk bahawa terdapat penjejasan. Jika sebarang petunjuk wujud, atau apabila ujian penjejasan tahunan bagi aset diperlukan, MIDA menganggarkan amaun boleh pulih aset. Jumlah boleh pulih aset adalah lebih tinggi daripada nilai saksama aset ditolak kos jualan dan nilai penggunaannya dan ditentukan untuk aset individu kecuali aset tersebut tidak menjana aliran tunai yang sebahagian besarnya bebas daripada aset-aset atau aset lain MIDA.

Di mana nilai bawaan aset melebihi jumlah boleh pulih, aset tersebut dianggap terjejas dan dikurangkan kepada amaun boleh pulih.

Kerugian penjejasan dalam operasi berterusan, diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dalam kategori belanja yang sesuai dengan keadaan aset yang terjejas.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf sebelum ini mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, MIDA menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset yang diiktiraf sebelum ini kerugian penjejasan dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan amaun perkhidmatan boleh pulih kali terakhir pengiktirafan penjejasan. Kebalikan adalah terhad supaya amaun dibawa aset tidak melebihi amaun perkhidmatan boleh pulih, tidak melebihi jumlah dibawa yang mungkin telah ditentukan, bersih daripada susutnilai, sekiranya tiada kerugian penjejasan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Kebalikan sedemikian diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)****2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)****(g) Penjejasan Aset Bukan Kewangan (Sambungan)**Kemerosotan nilai aset yang menjana bukan tunai

MIDA menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa janaan aset bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, atau apabila ujian kemerosotan tahunan bagi aset diperlukan, MIDA menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah lebih tinggi daripada nilai saksama menjana aset bukan tunai ditolak kos untuk menjual dan nilai dalam penggunaan.

Di mana nilai bawaan aset melebihi jumlah boleh pulih, aset tersebut dianggap terjejas dan dikurangkan kepada amaun boleh pulih.

Dalam menilai nilai yang digunakan, MIDA telah menerima pakai pendekatan susutnilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa potensi baki kos penggantian perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian susutnilai. Kos penggantian susutnilai diukur sebagai pengeluaran semula atau penggantian kos aset, yang mana lebih rendah, susutnilai terkumpul dikira berdasarkan kos, untuk mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos jualan, harga aset dalam satu perjanjian yang mengikat dalam urusniaga tulus, diselaraskan untuk kos tambahan yang akan dikaitkan secara langsung dengan pelupusan aset tersebut. Jika tiada ikatan perjanjian yang sah, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran aktif, nilai saksama tolak kos jualan adalah persamaan harta pasaran ditolak kos pelupusan. Jika tiada ikatan perjanjian yang sah atau adanya pasaran aktif untuk aset tersebut, MIDA menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat terbaik yang ada.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf sebelum ini mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, MIDA menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset yang diiktiraf sebelum ini kerugian penjejasan dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan amaun perkhidmatan boleh pulih kali terakhir pengiktirafan penjejasan. Kebalikan adalah terhad supaya amaun dibawa aset tidak melebihi amaun perkhidmatan boleh pulih, tidak melebihi jumlah dibawa yang mungkin telah ditentukan, bersih daripada susutnilai, sekiranya tiada kerugian penjejasan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Kebalikan sedemikian diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)****2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)****(h) Instrumen Kewangan****Aset kewangan****Klasifikasi**

MIDA mengklasifikasikan aset kewangannya sebagai pinjaman dan akaun belum terima. Klasifikasi bergantung kepada tujuan yang mana aset kewangan tersebut diperolehi.

**Pinjaman dan Akaun Belum Terima**

Pinjaman dan akaun belum diterima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran secara tetap atau boleh ditentukan yang tiada dalam pasaran aktif. Jika jumlah kutipan djangka dalam satu tahun atau kurang ia dikelaskan sebagai aset semasa. Jika tidak, ia dibentangkan sebagai aset bukan semasa. Pinjaman dan akaun belum terima MIDA terdiri daripada pelbagai penghutang, pendahuluan, pinjaman pekerja, kupon belum terima dan pendahuluan geran.

**Pengiktirafan dan pengukuran awal**

Pembelian biasa dan jualan aset kewangan diiktiraf pada dagangan terkini, tarikh di mana MIDA membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

**Pengukuran berikutnya**

Pinjaman dan aset kewangan penghutang kemudiannya dibawa pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif.

**Penyahiktirafan**

Aset kewangan pengiktirafannya apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada pelaburan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan MIDA telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan.

**Penjejasan nilai aset kewangan yang dibawa pada kos pelunasan**

MIDA menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan MIDA terjejas. Aset kewangan MIDA dianggap sebagai terjejas jika, dan hanya jika, terdapat bukti objektif penjejasan nilai disebabkan oleh satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset (yang ditanggung 'peristiwa kerugian') dan peristiwa kerugian mempunyai kesan ke atas aliran tunai masa hadapan aset kewangan MIDA yang boleh dianggarkan dengan pasti. Bukti penjejasan mungkin termasuk penunjuk berikut:

- Penghutang MIDA mengalami kesukaran kewangan yang ketara;
- Ingkar atau delinkuens dalam bayaran faedah atau pokok;
- Kebarangkalian bahawa penghutang akan muflis;
- Data menunjukkan bahawa terdapat pengurangan yang boleh diukur dalam aliran tunai pada masa depan, seperti perubahan dalam tunggakan atau keadaan ekonomi yang berhubung kait dengan keingkaran.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)****2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)****(h) Instrumen Kewangan (Sambungan)****Aset kewangan (Sambungan)**

MIDA menilai sama ada bukti objektif penjejasan nilai wujud secara individu bagi aset kewangan yang ketara secara individu atau kolektif bagi aset kewangan yang tidak ketara secara individu. Jika MIDA menentukan bahawa tiada bukti objektif penjejasan nilai wujud bagi aset kewangan yang dinilai secara individu, sama ada penting atau tidak, ia termasuk dalam aset kewangan MIDA dengan ciri-ciri risiko kredit yang sama dan dinilai secara kolektif untuk penjejasan. Aset yang dinilai secara individu untuk penjejasan dan di mana kerugian penjejasan adalah, atau terus diiktiraf, tidak termasuk dalam penilaian kolektif penjejasan.

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian penjejasan telah berlaku, jumlah kerugian diukur sebagai perbezaan di antara jumlah aset bawaan dan jumlah boleh pulih.

**Liabiliti kewangan****Pengiktirafan dan pengukuran awal**

Liabiliti kewangan MIDA termasuk pembiayaan. Pembiayaan diklasifikasikan sebagai liabiliti kewangan lain pada pengiktirafan awal. Liabiliti kewangan diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama.

**Pengukuran berikutnya**

Liabiliti kewangan lain kemudiannya dibawa pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan.

**Penyahiktirafan**

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti tersebut dilepaskan atau dibatalkan atau diluputkan.

**(i) Tunai dan Kesetaraan Tunai**

Bagi tujuan penyata aliran tunai, kesetaraan tunai dipegang untuk tujuan memenuhi komitmen tunai jangka pendek dan bukannya untuk pelaburan atau tujuan lain. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, tunai di bank, pelaburan berkecairan tinggi dengan tempoh matang asal 3 bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada jumlah tunai yang diketahui dan yang tertakluk kepada risiko yang tidak ketara pada perubahan nilai.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)****2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)****(j) Peruntukan**

Peruntukan diiktiraf apabila MIDA mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif semasa akibat daripada peristiwa yang lepas, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dan anggaran yang boleh dipercayai jumlahnya boleh dibuat.

Peruntukan diukur pada nilai anggaran semasa terbaik ke atas perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dengan menggunakan kadar sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko khusus kepada tanggungjawab itu. Peningkatan peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai belanja kos kewangan.

**(k) Manfaat Pekerja**Manfaat jangka pendek kakitangan

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit, Imbuhan Tahunan dan manfaat bukan kewangan yang dijangka akan diselesaikan sepenuhnya dalam tempoh 12 bulan selepas akhir tempoh pelaporan di mana kakitangan memberi perkhidmatan yang berkaitan diiktiraf berkenaan dengan perkhidmatan pekerja dan diukur pada jumlah yang dijangka akan dibayar apabila liabiliti diselesaikan. Liabiliti dibentangkan sebagai tanggungan manfaat pekerja dalam penyata kedudukan kewangan.

MIDA mengiktiraf liabiliti dan belanja Imbuhan Tahunan, berdasarkan formula yang mengambil kira lebihan yang boleh diagihkan kepada MIDA selepas beberapa pelarasian. MIDA mengiktiraf peruntukan di mana adanya obligasi kontraktual atau jika terdapat amalan terdahulu yang telah mewujudkan suatu obligasi kontraktual.

Manfaat pencen pasca pekerjaan

MIDA mempunyai pelan manfaat pencen pasca pekerjaan sejajar dengan keadaan dan amalan tempatan. Pelan manfaat ini adalah sama ada caruman wajib atau pelan manfaat ditetapkan.

Pelan caruman wajib ialah pelan pencen di mana MIDA membayar caruman tetap kepada sebuah entiti berasingan (dana) secara mandatori, kontrak atau sukarela dan MIDA mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya jika dana tersebut tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk membayar semua manfaat pekerja berkaitan dengan perkhidmatan pekerja dalam tempoh semasa dan sebelumnya. Sumbangan MIDA kepada pelan caruman wajib dicaj kepada lebihan atau kurangan dalam tempoh yang berkaitan.

## LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

### 2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)

#### (k) Manfaat Pekerja (Sambungan)

Pelan manfaat yang ditetapkan ialah pelan penceن yang bukan merupakan pelan caruman tetap. Pelan manfaat ditentukan adalah ganjaran penceن yang akan diterima selepas bersara, biasanya bergantung kepada satu atau lebih faktor seperti umur, tahun perkhidmatan dan pampasannya.

#### (l) Urusniaga Dalam Matawang Asing

Item dalam penyata kewangan ini diukur menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana MIDA beroperasi (matawang fungsian). Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, yang merupakan matawang fungsian dan pelaporan MIDA.

Urusniaga dalam matawang asing diambilkira menurut kadar arahan pertukaran matawang asing pada bulan urusniaga. Baki aset dan liabiliti dalam matawang asing dilaporkan pada penyata kedudukan kewangan dengan menggunakan kadar pertukaran pada hujung tahun.

Perbezaan pertukaran yang terhasil daripada penyelesaian urusniaga tersebut dan daripada terjemahan pada kadar pertukaran matawang asing bulan penutupan bagi aset dan liabiliti kewangan dalam matawang asing pertukaran asing diiktiraf dalam lebihan atau kurangan tahun semasa dalam keuntungan atau kerugian lain.

#### (m) Pertimbangan dan Sumber Ketidakpastian Anggaran

Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan MIDA membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada amaun hasil, belanja, Aset dan Liabiliti, dan pendedahan Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka pada akhir tahun kewangan. Walau bagaimanapun, ketidakpastian mengenai andaian dan anggaran ini akan menyebabkan Hasil yang memerlukan pelarasian material kepada Amaun Bawaan Aset atau Liabiliti dalam tempoh masa hadapan.

##### Peruntukan

Peruntukan diukur pada anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi pada tarikh pelaporan.

##### Penjejasan Belum Terima

MIDA membuat penilaian pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa Aset Kewangan telah terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif penjejasan, MIDA mengambilkira faktor seperti kemungkinan insolvensi atau kesukaran kewangan yang signifikan bagi penghutang dan kegagalan atau kelewatan dalam pembayaran. Apabila terdapat bukti objektif penjejasan amaun dan pemasaan aliran tunai masa hadapan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri Risiko Kredit yang serupa.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

**3. Tunai dan Kesetaraan Tunai**

	Dinyatakan Semula	2020	2019
	RM	RM	RM
Tunai Dalam Tangan	20,957	20,986	
Tunai di Bank	49,743,426	34,523,649	
Deposit Jangka Pendek dengan Institusi Kewangan Berlesen	<u>88,086,751</u>	<u>149,510,383</u>	
	<u>137,851,134</u>	<u>184,055,018</u>	

Tunai di bank mendapat faedah/keuntungan pada kadar terapung berdasarkan kadar harian deposit bank.

Deposit dibuat untuk tempoh yang berbeza, bergantung kepada keperluan tunai segera MIDA dan pendapatan faedah/keuntungan. Purata wajaran kadar faedah/keuntungan pada 31 Disember 2020 adalah 1.93% (2019: 3.53%) setahun. Deposit ini adalah terhad untuk kegunaan projek yang diluluskan.

**4. Pinjaman dan Akaun Belum Terima bagi Urus Niaga Pertukaran**

	Dinyatakan Semula	2020	2019
	RM	RM	RM
Pelbagai penghutang	3,173,195	22,626,338	
Kerugian penjejasan terkumpul	<u>(137,480)</u>	<u>(165,812)</u>	
	<u>3,035,715</u>	<u>22,460,526</u>	
Pinjaman pekerja:	826,806	794,163	
- Pembiayaan komputer	<u>102,765</u>	<u>64,005</u>	
- Pinjaman kenderaan	<u>724,041</u>	<u>730,158</u>	
Pendahuluan	13,623	72,925	
Jumlah pinjaman dan akaun belum terima	3,876,144	23,327,614	
Deposit diberi	6,164,483	6,263,513	
Bayaran terdahulu	<u>4,733,584</u>	<u>3,491,776</u>	
	<u>14,774,211</u>	<u>33,082,903</u>	
<b>Analisis:</b>			
Semasa	8,557,828	28,497,285	
Bukan Semasa	<u>6,216,383</u>	<u>4,585,618</u>	
	<u>14,774,211</u>	<u>33,082,903</u>	

- (a) Tiada kadar faedah dikenakan untuk penghutang lain manakala pinjaman kakitangan adalah 4% setahun. Tempoh bayaran balik adalah 30 hari kecuali bagi pinjaman kakitangan.

## LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

### 4. Pinjaman dan Akaun Belum Terima bagi Urus Niaga Pertukaran (Sambungan)

(b) Kerugian penjejasan terkumpul pelbagai penghutang adalah seperti berikut:

	2020 RM	2019 RM
Pada 1 Januari	165,812	473,211
Dibayar sepanjang tahun	(52)	(114,739)
Kerugian penjejasan dicatat semula		(6,000)
Hapuskira	(39,312)	(267,908)
Penjejasan semasa	<u>11,032</u>	<u>81,248</u>
Pada 31 Disember	<u>137,480</u>	<u>165,812</u>

(c) Selain daripada pembiayaan komputer yang tidak bercagar, pinjaman kenderaan adalah dijamin oleh gadaian ke atas aset berkenaan yang memihak kepada MIDA. Risiko kredit ke atas pinjaman kakitangan adalah kecil, amaun yang tertunggak boleh dibayar balik secara bulanan melalui potongan gaji.

### 5. Kupon Belum Terima

	Dinyatakan Semula 2020 RM	2019 RM
Pada 1 Januari	-	-
Pelarasan tahun sebelum	<u>27,409,919</u>	<u>28,045,705</u>
Seperti dinyatakan semula	<u>27,409,919</u>	<u>28,045,705</u>
Pendapatan faedah meningkat	1,449,245	1,484,214
Penerimaan kupon	<u>(2,120,000)</u>	<u>(2,120,000)</u>
	<u>26,739,164</u>	<u>27,409,919</u>

**Analisis:**

Semasa	2,120,000	2,120,000
Bukan Semasa	<u>24,619,164</u>	<u>25,289,919</u>
	<u>26,739,164</u>	<u>27,409,919</u>

Baki tersebut merupakan nilai kupon belum terima daripada Saham Keutamaan Tidak Boleh Tebus (NRPS) dengan UMW Aero Assets Sdn Bhd. MIDA telah membuat perjanjian dengan UMW Aero Assets Sdn Bhd berkaitan dengan pengeluaran geran berjumlah RM212 juta dalam bentuk NRPS dengan nilai nominal RM1.00 seunit.

Ciri-ciri penting NRPS yang dikeluarkan oleh UMW Aero Assets Sdn Bhd adalah seperti berikut:

- i) Kadar kupon NRPS adalah 1% setahun, dan dibayar setiap tahun oleh syarikat selama 24 tahun.

## LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

### 5. Kupon Belum Terima (Sambungan)

- ii) MIDA tidak akan mempunyai wakil di lembaga pengarah dan pengurusan syarikat dan tiada hak atas kepentingan pemegang saham.
- iii) MIDA tidak akan mempunyai tuntutan ke atas aset tetap dan semasa syarikat.
- iv) MIDA tidak akan mempunyai tuntutan ke atas dividen yang diisyiharkan oleh syarikat.
- v) Sekiranya berlaku pembubaran, MIDA tidak akan mempunyai hak ke atas baki aset.

### 6. Pendahuluan Geran

	Dinyatakan Semula 2020 RM	Dinyatakan Semula 2019 RM
Pada 1 Januari	-	-
Pelarasan tahun sebelum	5,710,713	4,518,748
Seperti dinyatakan semula	5,710,713	4,518,748
Pendahuluan tahun semasa	30,703,480	9,300,000
Belanja tahun semasa	-	(8,108,035)
	<u>36,414,193</u>	<u>5,710,713</u>

#### Analisis:

Semasa	36,414,193	5,710,713
Bukan Semasa	-	-
	<u>36,414,193</u>	<u>5,710,713</u>

Berdasarkan kepada perjanjian geran yang ditandatangani oleh MIDA dan penerima-penerima geran, MIDA berhak untuk menuntut semula geran yang telah dibayar sekiranya terdapat sebarang percanggahan yang timbul daripada pemeriksaan perbelanjaan yang dibenarkan.

## LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

### 7. Loji dan Peralatan

	Bangunan RM	Pengubah- suaian Pejabat RM	Kenderaan RM	Perkakasan Komputer RM	Peralatan Pejabat RM	Kerja Dalam Perlaksa- naan RM	Jumlah RM
<b>Kos</b>							
Pada 1 Januari 2020	106,917,902	41,377,774	8,037,016	34,175,999	3,237,325	17,100,094	210,846,110
